


Jilid I
Bil. 53



MALAYSIA

Hari Rabu
29hb Oktober, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6121]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan)
[Ruangan 6146]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 29hb Oktober, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N.,
P.J.K. (Pelabohan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Tan Sri ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J.,
S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN
TENGKU ISMAIL, P.M.K. Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN
YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N.
(Jerantut).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN
RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI
MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P.
(Sabak Bernam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

Yang Berhormat TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).

- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kempas).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

- Yang Berhormat** Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M., A.S.D.K., A.D.K. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KEMENTERIAN KHAS PERUMAHAN

1. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sekarang ini bercadang mengadakan sebuah Kementerian khas bagi mentadbir hal ehwal perumahan di bandar dan luar bandar memandangkan kepada kesesakan cara hidup yang semakin meningkat dan menentukan supaya kesihatan rakyat terjamin dengan adanya cara-cara perumahan yang teratur dan murah itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati tidak perlu pada masa ini, untuk mengadakan sebuah Kementerian khas bagi perumahan untuk mentadbirkan hal ehwal perumahan di bandar dan juga di luar bandar. Susunan Kementerian-kementerian yang ada sekarang ini yang termasuk Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru dan susunan yang ada di negeri-negeri yang termasuk Suruhanjaya-suruhanjaya Perumahan Negeri dan juga Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, adalah memadai untuk mengatasi masaalah perumahan di bandar dan juga di luar bandar.

SURUHANJAYA GAJI IBRAHIM ALI

2. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan bercadang melaksanakan pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali; dan
- (b) samada beliau sedar sebarang kelewatan dalam pelaksanaan pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya tersebut hanya akan mengakibatkan rasa tidak puas hati serta kegelisahan di kalangan pekerja-pekerja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) seperti yang telah saya diberitahu kepada Dewan ini pada 27-10-75 yang lalu, Kerajaan telah memutuskan

supaya Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali ini diedarkan kepada Pihak Pekerja untuk ulasan mereka dan pada ketika ini mereka sedang mengkaji Lapuran itu. Ulasan-ulasan itu akan dihantar kepada Suruhanjaya tersebut untuk dipertimbangkannya dan selepas itu barulah dikemukakan kepada Kerajaan untuk mendapat pertimbangan dan keputusan selanjutnya. Selagi Kerajaan belum menerima perakuan muktamad setelah mendapat ulasan dari Pihak Pekerja dan juga Jawatankuasa Pegawai yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji Lapuran ini. Kerajaan belumlah dapat menimbangkan bilakah Lapuran ini boleh dilaksanakan.

- (b) Kerajaan memang sedar ada kemungkinan setengah-setengah pekerja tidak akan berpuas hati jika sekiranya Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali ini lewat dilaksanakan, tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi Kerajaan belum lagi menerima perakuan-perakuan yang muktamad dari Suruhanjaya itu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa adakah tarikh yang diberi kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja untuk mereka memberi ulasan-ulasan balik kepada Suruhanjaya Ibrahim Ali atau kepada Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu kita pulangkan kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja, tetapi kita telah memberitahu yang kita harap mereka itu mengkaji perkara ini dengan seberapa segera yang boleh.

BIDANGKUASA MAJLIS ANGKATAN TENTERA

3. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menerangkan sejauh manakah bidangkuasa Majlis Angkatan Tentera dalam menentu dan memutuskan sesuatu tawaran, dan samada Majlis tersebut boleh mengatasi rekomen Lembaga Tender.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Angkatan Tentera yang ditubuhkan mengikut Artikel 137 Perlembagaan tidak

mempunyai apa-apa kuasa bagi menimbangkan dan membuat keputusan atas sebarang tender. Tender-tender Kementerian adalah diuruskan oleh sebuah Lembaga Tender yang dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut Arahan Perbendaharaan 192 (a). Syor-syor Lembaga Tender itu tidak memerlukan kelulusan daripada Majlis Angkatan Tentera.

JUMAAT SEBAGAI HARI KELEPASAN AM

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab maka Kerajaan tidak mahu hendak mengumumkan hari Jumaat sebagai hari kelepasan am di seluruh Malaysia untuk memudahkan pekerja-pekerja Islam dan kanak-kanak sekolah mengerjakan Fardhu Sembahyang Jumaat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah kerap kali ditimbulkan dan kerap kali juga ditimbangkan dan dalam masa menimbangkan perkara ini segala implikasi-implikasinya telah difikirkan dengan halus iaitu faktor-faktor seperti kesenangan awam dan juga amalan perdagangan antarabangsa serta beberapa faktor-faktor yang lain.

Adalah difikirkan kalau Kerajaan Pusat mengadakan kelepasan am pada hari Jumaat maka Kerajaan akan rugi sekurangnya satu atau satu hari setengah masa bagi menjalankan perdagangan antarabangsa. Ini adalah kerugian besar kepada negara.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memberikan kemudahan sepenuhnya serta meminta sektor swasta melaksanakan peraturan-peraturan yang ada sekarang ini bagi membolehkan pekerja-pekerja beragama Islam dan penuntut-penuntut sekolah yang beragama Islam untuk menunaikan Fardhu Sembahyang Jumaat.

PETANI-PETANI MEMOHON MENTERNAK

5. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada benar bahawa ramai petani-petani yang telah memohon untuk ternakan di bawah sistem subsidi/pawah tidak dibekalkan dengan ternakan yang sewajarnya, jika ya, nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu saya fikir tidak begitu jelas, tetapi jika Yang Berhormat bermaksud samada benar bahawa ramai petani-petani memohon untuk ternakan di bawah Sistem Subsidi Pawah tetapi Kerajaan tidak dapat membekalkan semua bilangan ternakan yang dikehendaki itu, jawapannya adalah benar. Pada tiap-tiap tahun Kerajaan cuma dapat membekalkan di bawah rancangan pawah sebanyak lebih kurang 1,500 ekor ternakan kerbau-lembu sahaja manakala bilangan pemohon daripada penternak-penternak adalah lebih banyak. Pembahagian ternakan pawah dengan begitu banyak mengikut permohonan yang diterima tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh kerana peruntukan adalah terhad. Dalam pada itu, jika sekiranya peruntukan dapat ditambah pada masa sekarang ini Kerajaan sedang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan dan membeli ternakan tempatan yang sesuai dengan begitu banyak dan dengan harga yang berpatutan untuk dipawahkan kepada orang ramai oleh kerana kekurangan ternakan.

Walau bagaimanapun, saya suka memberi penjelasan di sini, di dalam Rancangan Malaysia Kedua iaitu daripada tahun 1971/1975 sejumlah 5,760 ekor lembu telahpun diberikan kepada orang ramai yang berharga \$2,458,851 sedangkan kerbau pula sebanyak 2,540 ekor yang berharga \$1,490,000 yang mana jumlah semuanya lembu dan kerbau 8,200 ekor yang bernilai harga \$3,948,851 telahpun dapat dikeluarkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Selain daripada itu, sumbangan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, misalnya, Kerajaan Negeri Perak telah menguntukkan sebanyak \$933,820. Kerajaan Negeri Johor sebanyak \$1 juta, Kerajaan Negeri Pahang sebanyak \$910,000 dan Kerajaan Negeri Selangor \$950,000 dan jumlah keempat-empat buah Kerajaan Negeri \$3,793,820.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan lebih kurang 5,000 ekor lembu telah dibekalkan di bawah sistem subsidi/pawah, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri

sedar bahawa lembu-lembu itu boleh dikatakan kesemuanya kurus-kurus belaka. Adakah Yang Berhormat akan menimbangkan untuk memberi bantuan-bantuan lembu yang lebih gemok lagi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah lembu-lembu ini dibekalkan dalam bulan Ramadan? (*Ketawa*).

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada juga lembu yang kurus tetapi tidak banyak, yang banyak semuanya gemok, cuma malangnya Yang Berhormat itu terjumpa kepada lembu yang kurus (*Ketawa*).

PELANGGARAN HAKCIPTA

6. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar banyak berlakunya pelanggaran hakcipta hasil karangan-karangan sastera dan piring-piring hitam yang boleh menumpulkan semangat ahli-ahli seniman dan seniwati kita. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi perkara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan adanya pelanggaran hakcipta hasil karangan-karangan sastera dan piring hitam tempatan. Walau bagaimanapun, Akta Hakcipta, 1969 adalah lengkap melindungi karya-karya tempatan yang layak mendapat perlindungan hakcipta sebagaimana diperuntukkan pada fasal 4 Akta tersebut. Oleh itu, terpulanglah kepada pemunya hakcipta itu untuk melaporkan sesuatu pelanggaran hakcipta kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ataupun membuat laporan kepada pihak polis dan berhubung dengan Kementerian yang berkenaan supaya pendakwaan akan dibuat terhadap orang yang melanggar kuasa Hakcipta pemunya hakcipta itu.

Pada masa-masa lalu terdapat beberapa kes hakcipta yang dibawa ke mahkamah dan dalam beberapa kes-kes itu pelanggar hakcipta didapati salah dan dihukum.

Jawatankuasa Hakcipta mengadakan kajian dari semasa ke semasa perkara hakcipta bagi menguatkan lagi perlindungan hakcipta.

BOT PERONDA POLIS

7. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- berapakah bilangan bot-bot peronda Polis di Semenanjung, Sarawak dan Sabah yang masih boleh digunakan lagi dan adakah cadangan hendak menambahkan lebih banyak lagi dengan kelengkapan-kelengkapan moden;
- adakah Kerajaan sedar bahawa setengah daripada bot-bot ini tidak boleh digunakan lagi kerana kerap kali didapati kerosakan injin dan sebagainya dan tidak ekonomik serta merbahaya kepada anak-anak kapal yang menggunakannya dan jika ya, apakah tindakan Kerajaan terhadap bot-bot peronda yang sedemikian;
- jumlah perbelanjaan memperbaiki bot-bot peronda Polis bagi tahun 1974 dan 1975 (sehingga hari ini) bagi Semenanjung, Sarawak dan Sabah masing-masingnya dan di manakah tempat-tempat membaikinya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua,

- Bilangan bot-bot peronda Polis di Semenanjung, Sarawak dan Sabah yang masih digunakan adalah seperti berikut:

	PX	PT	PA	PC	PSC
Semenanjung ..	18	—	23	14	14
Sabah	6	—	14	4	—
Sarawak	3	2	8	3	—
	27	2	45	21	14

Kerajaan sedang mengambil langkah untuk melengkapkan Pasukan Polis Merin dengan kelengkapan-kelengkapan yang moden.

- Cuma 25% dan bukan setengah daripada bot-bot ini sudah sampai ke peringkat tidak ekonomik kerana kos penyelenggaraannya yang meningkat tetapi tidaklah benar kenyataan Yang Berhormat itu bahawa kapal-kapal ini merbahaya untuk digunakan. Kerajaan sedang mengambil langkah untuk menggantikan bot-bot ini dengan bot yang baru secara berperingkat.

- (c) Jumlah perbelanjaan membaiki bot-bot peronda Polis bagi Tahun 1974/1975 adalah seperti berikut:

	1974	1975
Semenanjung ...	\$1,400,000	\$1,871,000
Sabah ...	340,000	420,000
Sarawak ...	160,000	210,000

Bot-bot ini adalah dibaiki di Limbungan-limbungan yang telah diluluskan oleh Kerajaan seperti iaitu di Semenanjung Malaysia, Singapura, Sabah dan Sarawak.

FOETUS YANG DIKEBUMIKAN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa foetus daripada keguguran tidak dikebumikan di Hospital Besar Melaka tetapi dilemparkan sebagai sampah yang menyumbat saluran najis di hospital tersebut; dan nyatakan samada beliau akan mengarahkan setiap pentadbiran hospital di seluruh negara mengebumikan foetus-foetus dan bukan melemparkannya sebagai sampah-sarap yang berkehendakkan pekerja-pekerja membersihkan saluran-saluran najis yang tersumbat itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan dan amalan yang dijalankan sekarang di semua hospital dalam negara ini, segala foetus (janin dalam Bahasa Malaysia) daripada keguguran adalah diserahkan kembali kepada ibu-bapa yang berkenaan. Jika mereka tidak mahu mengambilnya, foetus-foetus itu adalah dikebumikan mengikut upacara ugama masing-masing dan tidak dicampakkan sebagai sampah. Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberikan kenyataan yang lebih khusus, saya akan menjalankan penyiasatan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri selepas menerima soalan ini berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan di Rumah Sakit Melaka untuk mendapat lapuran atau satu gambaran yang lebih lengkap.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri ada selepas menerima

soalan ini berhubung dengan pihak yang berkenaan di Rumah Sakit Melaka mengenai perkara ini, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah lapuran beliau telah terima mengenai perkara ini?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan foetus yang dijumpai di dalam saluran najis kalau ada, mungkin dibuang oleh ibu-ibu yang bukan terdiri daripada orang sakit di dalam hospital, kerana saluran-saluran najis rumah-rumah Kerajaan (Government Quarters) di kawasan hospital itu adalah bersambung dengan saluran-saluran najis hospital. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah bererti kalau ada, itu adalah perkara yang dibuat oleh kakitangan hospital.

BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

9. Tuan Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan kemajuan yang telah dicapai dalam usaha untuk mencegah dan mengurangkan masalah banjir yang menjadi-jadi dalam Wilayah Persekutuan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, rancangan mencegah banjir di Kuala Lumpur yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada bulan November, 1973 mengandungi komponen-komponen yang berikut:

- (1) Meninggikan lagi ampangan Kelang Gates dengan membina satu ampangan baru di Sungai Batu.
- (2) Pembaikan tebing-tebing Sungai Kelang/Sungai Batu/Sungai Gombak.
- (3) Pembaikan sistem pamaritan di Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Reka-bentuk dan penyelesaian pembinaan bagi ampangan-ampangan yang saya sebutkan itu akan dijalankan oleh United States Bureau of Reclamation. Satu rombongan pakar dari Biro ini tiba di Malaysia pada bulan Julai tahun lalu untuk mengadakan perbincangan mengenai bidang-bidang dan syarat-syarat tugas mereka.

Perjanjian mengenai perlantikan Biro ini telah ditandatangani pada bulan Mac tahun ini. Seterusnya 3 Jurutera dari Biro ini

telah dilantik untuk tugas-tugas jangka-pendek dan 3 lagi Jurutera khas dijangka akan tiba pada bulan Disember untuk tugas jangka-panjang.

Rancangan Perancangan secara detail dan reka-bentuk untuk memperbaiki tebing-tebing Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak sedang dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Satu plan permulaan bagi sistem pamaritan di Kuala Lumpur atau Preliminary Master Drainage Plan telahpun siap baru-baru ini. Plan ini yang telah disediakan oleh Jabatan Parit dan Taliair mengemukakan masalah-masalah dan bidang kerja-kerja pamaritan dan mempunyai syor-syor mengenai projek-projek pamaritan yang harus diutamakan dan dilaksanakan dengan segera.

Bagaimanapun, plan pamaritan comprehensive atau Master Drainage Plan telahpun dimulakan dan perancangan secara detail sedang dijalankan bagi 4 daripada 26 kawasan-kawasan tadahan atau catchment-areas, mengikut keutamaan. Kawasan-kawasan ini ialah:

- (1) Sungai Beberas Catchment.
- (2) Sungai Pencala Catchment.
- (3) Sungai Bonos Catchment.
- (4) Jalan Pertama Sub-Catchment

Laporan-laporan mengenai kawasan-kawasan ini dijangka akan siap pada akhir tahun ini. Saya suka menambahkan di sini bahawa satu laporan bersama dengan reka-bentuk kejuruteraan mengenai kerja-kerja untuk memperbaiki pamaritan di kawasan Jalan Bangsar/Jalan Riong telahpun siap.

Oleh sebab masalah banjir di kawasan itu perlu diatasi dengan segera, tindakan-tindakan sedang diambil untuk memulakan kerja-kerja pembinaan dengan secepat mungkin. Pihak Dewan Bandaraya telah memohon untuk mendapat wang bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan pamaritan yang berikut di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga:

- (1) Sungai Beberas/Jalan Bangsar.
- (2) Sungai Bonos by-pass Kampung Baharu.
- (3) Sungai Bonos channel Kampung Baharu ke Wardieburn Estate.

(4) Main Drain, Air Panas di Air Panas area.

(5) Sungai Anak Air Batu, dekat University Mosque.

(6) Sungai Untut Kawasan.

(7) Sungai Keroh Kawasan.

(8) Kuchai Lama dan Jalan Kelang Lama.

Pembaikan sungai-sungai dan parit-parit ini diharap akan mencegah banjir di kebanyakan kawasan-kawasan di dalam Wilayah Persekutuan yang sentiasa mengalami banjir kilat atau flash flood.

Sebagai langkah sementara, Dewan Bandaraya adalah menempatkan pekerja-pekerja di tempat tertentu untuk membuang kekotoran atau halangan untuk menentukan aliran air semasa hujan lebat. Pihak Dewan Bandaraya telah juga dari masa ke semasa menjalankan kerja-kerja memperbaiki parit-parit di beberapa kawasan untuk mengurangkan banjir.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan yang begitu panjang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya, beliau tidak sedar ada air bah yang berlaku kalau ada hujan lebat di Jalan Kepong, di belakang Panggung Wayang Diamond di Batu 6 Jalan Kepong dan juga di Sentul Pasar. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa apa langkah Kerajaan akan ambil supaya air bah di ketiga tempat yang saya sebutkan itu dihapuskan bukan dikurangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat itu tidak dengar apa yang saya katakan di akhir sekali iaitu pihak Dewan Bandaraya telah juga dari masa ke semasa menjalankan kerja-kerja memperbaiki parit-parit di beberapa kawasan meliputi Kepong untuk mengurangkan banjir.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang telah memberi penjelasan akan tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, di tempat yang disebutkan oleh saya ialah Jalan Kepong, di belakang Panggung Diamond dan di Sentul Pasar. Saya berani bercakap Dewan Bandaraya tidak langsung mengambil langkah untuk mencegah air bah di ketiga-tiga tempat.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menarik perhatian Dewan Bandaraya atas perkara itu.

TABUNG PERUMAHAN

10. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau akan menimbang mengemukakan satu Tabung Perumahan sama seperti K.W.S.P. untuk membentuk satu masyarakat yang mempunyai rumah.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan itu, tidak mungkin.

POLIS MENGGUNAKAN KEKERASAN DALAM SIASATAN

11. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar akan pengaduan orang ramai mengenai kekejaman polis dan penggunaan kekerasan dalam masa menyiasat orang-orang yang disyaki.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini tidak ada pengaduan rasmi yang dibuat. Sekiranya ada pengaduan begitu, bukan sahaja mengenai kekejaman Polis bahkan juga lain-lain perkara yang melibatkan anggota-anggota Polis, penyiasatan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar mengenai soalan kekejaman kegunaan kekerasan Polis terhadap orang-orang yang ditahan atau disoal. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa orang-orang yang membuat laporan rasmi atau Police Official Report. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri telah cadangkan dalam satu kes di mana saya ada menulis sepucuk surat rasmi kepada Yang Berhormat Menteri mengenai seorang yang telah ditangkap yang ada mengalami kekerasan terhadapnya oleh pegawai Polis. Apabila dibuat laporan, beliau telah ditangkap dan dicharge sebelum dia pergi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalnya? Jangan cerita soal tangkap.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah sedar bahawa ada orang yang membuat laporan atau Police Report mengenai kekerasan telah dicharge yang mana telah menimbulkan perasaan lebih baik tidak dibangkitkan hal itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya? Tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa setahu Yang Berhormat Menteri tidak ada, kalau ada sesuatu akan dijalankan penyiasatan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahannya ialah, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa apabila ada laporan Polis rasmi yang dibuat untuk membolehkan penyiasatan dijalankan seperti orang-orang yang membuat tuduhan itu ada dicharge atas perkara-perkara yang sebelum itu dia tidak dicharge.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bahawa perkara ini tidak benar sama sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan kemukakan butir-butir hal itu kepada Yang Berhormat Menteri dan bolehkah Yang Berhormat Menteri membuat satu penyiasatan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya akan siasat, Tuan Yang di-Pertua.

TABUNG PUSINGAN

12. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan bagaimana beliau akan menggunakan Tabung Pusingan yang berjumlah \$10 juta yang telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri yang akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk luar bandar dan juga pekerja-pekerja estet.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pusingan itu akan digunakan untuk memberi pinjaman kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan kecil untuk membeli atau membina rumah atau membeli tanah untuk tapak kediaman. Tiap-tiap

pemohon hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Bagi mereka yang berjaya tiap-tiap pinjaman yang akan diberi adalah tidak melebihi \$5,000 tetapi had maxima ini boleh dinaikkan bagi keadaan-keadaan yang tertentu. Tiap-tiap pinjaman akan dikenakan faedah 6% setahun bagi pinjaman di antara 5 hingga 15 tahun. Sedikit bayaran pentadbiran dikenakan jika kerja menguruskan sesuatu pinjaman itu menjadi terlalu rumit dan terkeluar daripada urusan Kerajaan yang biasa, seperti mendapatkan kutipan balik wang ansuran daripada pinjaman-pinjaman itu.

GURU SEMENTARA—LATIHAN

13. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Pelajaran menyatakan samada:

- (i) beliau akan berusaha seboleh-bolehnya untuk memberi peluang latihan kepada semua guru-guru yang telah berkhidmat lebih daripada 3 tahun di sekolah-sekolah, tetapi tidak mempunyai kelayakan pelajaran lengkap seperti yang dikehendaki sekarang untuk mengambil guru-guru memandang bahawa:
 - (a) mereka mungkin diambil ke dalam perkhidmatan tetap dahulu jikalau kemudahan-kemudahan mencukupi disediakan pada masa itu untuk latihan guru-guru;
 - (b) mereka telah memberi perkhidmatan yang berharga dan didapati layak pada masa guru-guru yang dilatih tidak mencukupi;
 - (c) mereka mempunyai kelayakan yang dikehendaki pada masa mereka diambil dahulu.
- (ii) beliau akan membuka kelas-kelas S.R.T. yang ada sekarang, kepada guru-guru tersebut; dan
- (iii) beliau akan memastikan bahawa walau bagaimanapun perkhidmatan mereka tidak akan ditamatkan pada penghujung tahun ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibahagikan kepada

tiga bahagian yang mana soalan yang pertama juga dibahagikan kepada tiga perkara lagi. Saya ingin menjelaskan iaitu:

- (i) Kementerian Pelajaran tidak dapat memberi peluang latihan kepada guru-guru sementara yang telah berkhidmat lebih daripada 3 tahun di sekolah-sekolah sekiranya mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan:
 - (a) kemungkinan mereka untuk diambil kejawatan tetap tidak menasabah sekiranya mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan;
 - (b) mereka telah dilantik mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat tawaran mereka dan pengalaman mengajar mereka itu adalah dikira untuk membolehkan mereka itu menerima latihan perguruan sekiranya mereka memenuhi juga syarat-syarat lain yang ditetapkan termasuk kelayakan akademik, kewarganegaraan dan sebagainya;
 - (c) sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang diperlukan pada masa dahulu mereka tentulah telahpun diberi latihan pada waktu itu.
- (ii) Kelas baru bagi mereka yang memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki adalah sedang dirancang dan pengambilan akan dibuat pada tahun 1976 dan juga pada tahun-tahun yang akan datang.
- (iii) Kementerian Pelajaran akan memberi keutamaan untuk mengambil semula guru-guru sementara yang pernah berkhidmat selama 3 tahun yang lepas termasuk tahun ini, sekiranya ada kekosongan jawatan dan mereka mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa jika guru-guru yang mempunyai kelayakan yang cukup pada masa mereka dilantik mungkin mereka telah diberi peluang untuk latihan. Adakah benar bahawa pada tahun-tahun yang lepas tidak mencukupi kemudahan latihan bagi sekolah-sekolah khasnya untuk

guru-guru di Sekolah-sekolah Tamil. Pada masa yang lampau, saya masih ingat bahawa guru-guru dengan kelayakan Darjah 7 aliran Tamil telah dilantik pada masa itu dan kelayakan tersebut adalah tetap dan sesuai. Selepas itu barulah LC.E. dan lain-lain. Jadi guru-guru yang dikatakan tidak mempunyai kelayakan pada masa ini mereka mempunyai kelayakan yang cukup pada masa mereka dilantik itu. Oleh kerana kemudahan latihan tidak cukup pada masa itu mereka ini tidak dapat mengambil peluang dilatih dan sekarang ini dengan adanya kemajuan dalam mutu pelajaran atau taraf pelajaran, kelayakan bagi guru-guru ini sudah dinaikkan tarafnya. Tetapi mereka ini telahpun ketinggalan dalam latihan dan perkhidmatan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi apakah soalnya?

Tuan K. Pathmanaban: Adakah benar bahawa kemudahan tidak cukup pada masa dahulu, dan oleh sebab itu kebanyakan guru-guru ini tidak dapat peluang untuk dilatih dan oleh kerana itu mereka juga tidak dapat peluang untuk dilantik dalam perkhidmatan tetap.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kita biasa melatih guru-guru yang dahulunya cuma lulus Darjah 5 Sekolah Rendah, tetapi daripada masa ke semasa tentulah kita terpaksa meninggikan taraf kelulusan guru-guru yang akan diberi latihan. Kita mengalami kekurangan guru-guru dan biasanya kita mengambil guru-guru sementara. Bagi guru-guru sementara ini mereka akan diberi latihan kalau mereka memenuhi syarat-syarat yang ada pada satu-satu masa itu dan walaupun kita ingin memberi latihan kepada semua sudah tentu kalau kita tidak ada cukup tempat, kita tidak dapat memberi latihan itu.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan patut bahawa oleh kerana kekurangan kemudahan latihan pada masa dahulu guru-guru ini dikenakan denda atau punished. Dengan punishment ini mereka ditamatkan perkhidmatan dan lain-lain pada masa ini, jadi adakah Yang Berhormat Menteri fikir perkara ini patut?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Menteri sudah menjawab. Perkara ini dari satu masa ke satu masa berkenaan syarat-syarat kelayakan untuk menerima latihan itu sentiasa diperbaiki. Jadi kalau pada tahun lepas boleh, tetapi kemudahan tidak ada, dan tahun ini sudah naik pula tarafnya, dia pula tak ada kelayakan, itu bergantung kepada nasib sahajalah.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahannya ialah, walaupun perkhidmatan pelajaran kita berkehendakkan kemajuan dalam taraf pelajaran guru-guru kita dan mungkin kita naikkan standard level of recruitment dari semasa ke semasa, tetapi adakah patut bahawa guru-guru yang telah dilantik pada masa yang lampau apabila taraf lantikan itu kurang lagi daripada taraf yang ada sekarang, mereka dikenakan denda dengan penalti dan tidak dapat kemudahan latihan dan mungkin perkhidmatannya ditamatkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab bolehlah, kalau tidak di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (c) tidak payah dijawab.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya takut Ahli Yang Berhormat itu tidak puas hati. Sebenarnya guru itu tidak dilantik sebagai guru, mereka diberi kerja sebagai guru sementara dan mereka belum dapat masuk ke dalam Perkhidmatan Perguruan lagi.

Berkenaan dengan kelayakan untuk mendapatkan latihan seperti saya telah terangkan tadi bahawa kelayakan ini berubah daripada satu masa ke satu masa, dan ini bukan dikenakan kepada guru-guru Tamil sahaja tetapi kepada semua guru-guru lain dan juga dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain. Umpamanya, dahulu saya cuma lulus Senior Cambridge sahaja tetapi saya diberi latihan untuk menjadi doktor. Tetapi pada masa ini kalau seseorang yang cuma lulus Senior Cambridge sahaja mereka tidak akan dapat peluang dilatih sehingga mereka dapat kelulusan H.S.C. Perkara ini memanglah begitu kerana kita cuma mencapai kemajuan dari

satu masa ke satu masa. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu menganggap bahawa ini tidak patut, tetapi bagi orang yang mendapat kelulusan yang tinggi mereka anggap ini adalah patut.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan. Adakah benar bahawa setengah guru-guru yang ketinggalan pengalaman atau perkhidmatan yang lebih daripada 10 tahun?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini soalan lain, tidak payah dijawab.

PEMERIKSAAN POLIS

14. Tuan Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagaimana langkah-langkah yang akan diambil oleh pegawai-pegawai polis sebagai memastikan bahawa pemeriksaan-pemeriksaan yang dijalankan oleh pasukan-pasukan keselamatan di beberapa kawasan dalam Bandaraya Kuala Lumpur dibuat secara berpatutan dan sesuai dengan undang-undang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, semua pemeriksaan ke atas rumah dan bangunan yang diduduki adalah dilakukan dengan pengawasan yang ketat oleh pegawai-pegawai kanan Polis yang berpangkat Inspekter ke atas dan semua pemeriksaan adalah dibuat mengikut Undang-undang. Caranya tuan-tuan rumah atau orang-orang yang menduduki mana-mana bangunan adalah dikehendaki menemani pegawai-pegawai yang menjalankan pemeriksaan itu sekiranya ada barang-barang yang hendak diambil atau dikutip sebagai evidence. Satu senarai pemeriksaan akan dibuat terlebih dahulu dengan tuan rumah dan orang yang menduduki bangunan itu adalah dikehendaki menurunkan tandatangan mengesahkan bersama dengan pegawai yang menjalankan pemeriksaan itu. Pegawai-pegawai yang memeriksa akan ditemani oleh sebilangan anggota Polis semasa memasuki kawasan pemeriksaan dan sebilangan lagi ditugaskan mengawal di luar rumah atau bangunan untuk mencegah sesiapa yang disyaki dari melarikan diri. Sampai pada masa sekarang tidak ada pengaduan rasmi yang diterima oleh pihak Polis berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

PELARIAN VIETNAM/CAMBODIA

15. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa semenjak berhentinya perang Vietnam dan Cambodia, beberapa orang pelarian telah datang dan tinggal di Malaysia. Apakah pertolongan Kerajaan kita beri kepada orang-orang pelarian itu. Pada masa sekarang, berapa orang pelarian ada lagi di negara kita.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang-orang pelarian Vietnam dan Cambodia yang telah datang ke negeri ini akibat peperangan di negara-negara itu ialah 3,250 orang iaitu 1,234 orang Vietnam dan 2,016 orang Cambodia. Dari jumlah itu sebahagian besar daripada mereka telahpun meninggalkan negeri kita kerana mendapat tempat-tempat tinggal di negara-negara lain. Seramai 1,789 orang iaitu 1,164 Vietnam dan 625 Cambodia telah meninggalkan negara ini.

Orang-orang Vietnam yang masih berada di sini ialah 70 orang dan 11 darinya akan meninggalkan negara ini beberapa hari lagi. Mereka yang tinggal ialah 59 orang (7 di Besut dan 52 di Pulau Papan, Sabah) diberi tempat perlindungan dan bantuan makanan serta perubatan dengan kerjasama Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai orang-orang pelarian.

Orang-orang pelarian Cambodia yang masih berada di negara ini berjumlah 1,391 orang dan oleh kerana tidak mendapat tempat di mana-mana maka PERKIM telah mengambil alih tanggungjawab memberi bantuan kepada mereka sementara mereka masih berada di negeri ini.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak tugas pengambilan calon-calon mengikut kursus-kursus di Maktab Perguruan diletakkan di dalam bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran apakah kebaikan yang telah diperolehi dari perubahan itu;
- (b) masaalah-masaalah yang dihadapi dalam menjalankan temuduga oleh S.J.P.P. bagi memilih calon-calon yang berpuluh-puluh ribu di seluruh negara; dan

- (c) bilangan dan pangkat jawatan pegawai-pegawai yang bertugas dalam pasukan temuduga.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah sebuah badan yang bebas yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mempunyai kuasa-kuasa seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Sebagai sebuah badan yang bebas Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran menjalankan tugas-tugasnya tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak sepertimana juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Begitu juga Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah dahulunya pegawai-pegawai yang berpengalaman dalam Kerajaan dan mereka dapat sepenuh masa dan tenaga terhadap tugas-tugas Suruhanjaya itu.

(b) Tidak ada masaalah yang dialami oleh Suruhanjaya dalam menjalankan temuduga-temuduga untuk calon-calon guru-guru pelatih yang diadakan di semua negeri. Oleh kerana bilangan calon yang dipanggil untuk temuduga dalam tahun 1975 sangat ramai maka Suruhanjaya telah melantik Lembaga-lembaga Temuduga terdiri daripada pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pelajaran untuk membantu pegawai-pegawai di Urusetia Suruhanjaya itu.

(c) Dalam tahun 1975 bilangan pegawai-pegawai yang bertugas dalam Pasukan Temuduga adalah seramai 83 orang. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai kanan seperti Pengetua-pengetua Maktab Perguruan, Nazir-nazir Sekolah dan Guru-guru Besar Sekolah Menengah dari Kementerian Pelajaran dan Ketua-ketua Penolong Setiausaha dari Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

PUSAT PENDAFTARAN MENGUNDI

17. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa ada Pusat-pusat Pendaftaran Mengundi di Perak tidak mempunyai kakitangan walaupun Jawatankuasa

Pengundi telah mengumumkan bahawa orang ramai yang berkecualan boleh pergi ke pusat-pusat ini untuk mendaftar.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semua pusat pendaftaran di seluruh negara dibuka tiap-tiap hari sepanjang tempoh pendaftaran yang berakhir baru-baru ini. Walau bagaimanapun, Penolong Pegawai Pendaftaran yang bertugas di Pusat-pusat itu tidaklah menjalankan tugas mereka sepanjang hari tetapi hanya pada masa-masa yang ditentukan. Masa-masa yang ditetapkan itu dinyatakan dengan terang atas poster-poster yang ditampal disekitar yunit pendaftaran dan juga di pusat-pusat pendaftaran masing-masing. Calon pemilih yang ingin mendaftar sepatutnya datang ke pusat pendaftaran mereka pada masa-masa yang ditentukan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sungguhpun hari minggu ditetapkan untuk mendaftar calon-calon pemilih di pusat-pusat yang static, tetapi bukan sahaja di Perak bahkan di kebanyakan negeri ada berlaku incidents di mana dalam masa yang tertentu dan pada hari minggu yang ditetapkan orang yang bertanggungjawab mendaftar tidak ada dan oleh sebab itu orang yang pergi untuk mendaftar tidak dapat mendaftarkan dirinya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beri saya butir-butir perkara ini saya boleh panjangan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sistem baru ini sangat tidak memuaskan hati oleh kerana bilangan orang yang layak mendaftar sebagai pengundi kurang atau jauh daripada bilangan yang boleh didaftarkan seperti yang diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya sendiri bahawa ada lebih kurang 100,000 orang yang layak boleh didaftarkan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan jasa baiknya bertanya kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya membaiki lebih daripada satu jentera di mana semua orang yang layak boleh senang mendaftar.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini bukan salah jentera kalau

pengundi-pengundi tidak mengambil berat atas hal ini dan tidak suka hendak mendaftarkan nama, tidak ada sebab yang Suruhanjaya boleh bertindak berkenaan dengan hal ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa tarikh dan masa untuk orang ramai mendaftar sebagai pengundi tidak sesuai. Umpamanya masa untuk pendaftaran yang ada di kebanyakan tempat ditamatkan pada pukul 5.00 petang tetapi pekerja-pekerja tidak boleh balik sebelum pukul 5.00 petang. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa pada hari Ahad pun orang ramai tidak ada peluang untuk mendaftarkan namanya sebagai pengundi. Mengapakah Suruhanjaya Pilihanraya tidak mengarahkan pegawai-pegawainya supaya bekerja pada pagi hari Ahad bagi membolehkan orang ramai mendaftarkan nama sebagai pengundi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau ada perjalanan yang difikirkan tidak betul Ahli Yang Berhormat boleh berutus sendiri dengan pihak Suruhanjaya Pilihanraya sebab Suruhanjaya itu bebas, tetapi saya bimbang harus barangkali penyokong-penyokong Parti Pembangkang tidak begitu suka hati hendak mendaftarkan namanya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa dalam suratkhbar bukan sahaja Parti-parti Pembangkang tetapi cawangan-cawangan parti pemerintah Barisan Nasional seperti UMNO, M.C.A. dan M.I.C. pun ada complaint mengenai tidak puas hati tentang peraturan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) tidak payah dikeluarkan pertanyaan berkenaan dengan betul atau tidaknya penerangan-penerangan dalam suratkhbar.

RUMAH PANGSA BAGI SEWAAN TENTERA

18. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama-ada beliau sedar bahawa askar-askar yang menyewa rumah-rumah pangsa tidak diberi

peluang membeli rumah-rumah itu sebagai-mana yang diberi kepada orang ramai jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya askar-askar juga diberi peluang ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kementerian Pertahanan menyewa rumah-rumah pangsa ialah sebagai langkah sementara bagi mengatasi masalah kekurangan rumah-rumah kelamin bagi anggota-anggota tentera. Dengan yang demikian, rumah-rumah pangsa ini bolehlah disifatkan sama seperti rumah-rumah Kerajaan (Government quarters). Oleh yang demikian juga, soal menjual rumah-rumah ini kepada anggota-anggota yang mendudukinya tidaklah timbul.

HARGA EXECUTIVE JETS

19. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan bilangan dan harga EXECUTIVE JETS yang telah dibeli untuk kegunaan Menteri-menteri dan VIP; dan apakah sebabnya Menteri-menteri kita tidak menggunakan perkhidmatan MAS dan penerbangan terbang lain jika perlu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada mempunyai dua jenis EXECUTIVE JETS untuk kegunaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Pembesar-pembesar Negara, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Dua buah daripada kapal-terbang itu ialah MERPATI iaitu jenis HAWKER SIDDLEY SERIES 400b yang dibeli pada tahun 1969 dengan harga \$3.4 juta dan dua lagi ialah jenis FOKKER 28 Mk 1,000 yang dibeli pada akhir tahun 1974 dengan harga \$14 juta. Kapal-terbang jenis Fokker ini digunakan juga untuk membawa anggota-anggota tentera ke Sabah dan Sarawak sebagai transport plane.

Adalah menjadi kebiasaan negara-negara lain iaitu Ketua Negara dan juga Ketua Kerajaan menggunakan kapal-terbang khas untuk menjalankan urusan negara atau membuat lawatan ke luar negeri dan ini sangatlah perlu terutama dari segi keselamatan.

Lazimnya Menteri-menteri Kabinet di-lakkan menggunakan perkhidmatan MAS atau perkhidmatan penerbangan yang lain bagi perjalanan mereka baik di dalam mahu-pun di luar negeri. EXECUTIVE JETS hanya digunakan dengan kelulusan khas

daripada saya sendiri sebagai Perdana Menteri setelah menimbangkan dan puas hati tugas-tugas perjalanan yang hendak dilakukan itu sangat penting dan mustahak dan menghendaki berada segera di sesuatu tempat atau dikehendaki kembali ke Kuala Lumpur dengan segera. Pada masa ini perkhidmatan MAS tidak mencukupi lagi bagi setengah-setengah tempat. Oleh sebab itu, kapal terbang ini terpaksa digunakan khas oleh Pembesar-pembesar Negara dan juga kadangkala oleh Menteri-menteri.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kalau tidak salah saya Kerajaan telah membeli empat buah kapal terbang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dua jenis.

Dr Tan Chee Khoon: Dua jenis, tetapi empat buah. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekiranya perlu dan saya juga bersetuju Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong perlu menggunakan Executive Jets. Mengapakah Kerajaan membeli empat buah Executive Jets dan mengapakah dua buah jet tidak mencukupi untuk kegunaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya terangkan tadi Executive Jets yang dua buah itu kecil yang boleh muat hanya enam orang dan jet itu selalu digunakan oleh saya sendiri dan juga setengah Menteri-menteri. Yang dua buah lagi itu besar yang digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong bila membuat lawatan dan Executive Jets yang besar itupun boleh diguna untuk transport plane, sebab transport plane yang kita ada sekarang iaitu Herald ini sudah lama dipakai dan tidak begitu dapat digunakan lagi dan kita terpaksa menggunakan kapal terbang yang lain. Dan selain daripada itu, kita akan membeli lagi kapal terbang transport kerana hendak menambah lagi kapal terbang yang ada pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Tadi kalau tidak salah saya Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri menyatakan Kerajaan telah membeli dua buah kapal terbang F. 28 yang boleh digunakan sebagai troop carrier juga. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagaimanakah sesuatu kapal terbang yang digunakan sebagai Executive Jets untuk VIP boleh ditukar atau convert kepada satu troop carrier. Conversion itu bukanlah dikenakan perbelanjaan yang begitu besar? Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak payah.

Perdana Menteri: Keluarkan kerusinya sahaja. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa adakah benar troop carrier Hercules C. 130 pun telah dibeli oleh Kerajaan untuk menjadi Executive Jets untuk orang kenamaan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kapal terbang khas Hercules ini akan dibeli khas untuk membawa tentera-tentera ke Sabah dan Sarawak dan juga ke tempat-tempat lain di Malaysia.

SURUHANJAYA DIRAJA

20. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan bilakah akan diwujudkan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat tuduhan pemerintahan bersikap diktator (dictatorship), salah pemerintahan (maladministration) dan korupsi di Sabah, dan samada Perdana Menteri sedar Suruhanjaya ini perlu dan dikehendaki oleh kebanyakan rakyat di Sabah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Diraja yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak difikirkan perlu.

Seperti yang dimaklum, Ketua Menteri yang dahulu, Tun Datu Haji Mustapha, telah mengistiharkan yang beliau akan bersara daripada menjadi Ketua Menteri Sabah pada 31hb Oktober, 1975 ini dan selepas itu Kerajaan baru akan dibentuk. Jika ada salah pemerintahan dan korupsi

dijalankan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan, tindakan biasa boleh dijalankan menurut Undang-undang Negara.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa di dalam tuduhan anggota-anggota BERJAYA di Sabah mereka menyatakan pemerintahan Tun Datu Haji Mustapha di Sabah tentang dictatorship, maladministration dan korupsi ialah tiga perkara yang paling penting, bukan sahaja kepada rakyat atau orang ramai di Sabah, bahkan kepada Kerajaan Pusat juga dan jika Kerajaan Pusat membentuk sebuah Suruhanjaya Khas untuk menyiasat perkara ini bahawa penduduk-penduduk di Sabah boleh tahu tuduhan-tuduhan tersebut, benar atau tidak?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tahu dari mana?

Dr Tan Chee Khoon: Tuduhan-tuduhan itu bukan oleh anggota-anggota BERJAYA di Sabah sahaja tetapi kami di Semenanjung Malaysia pun tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagaimana Yang Berhormat tahu tuduhan itu?

Dr Tan Chee Khoon: Kerana orang ramai di Sabah ada menulis surat kepada saya dan bukan kepada saya sahaja tetapi kepada orang-orang lain juga.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini semata-mata tuduhan sahaja. Setahu saya tuduhan korupsi terhadap Tun Datu Haji Mustapha tidak ada kerana beliau adalah seorang yang kaya, mempunyai banyak wang dari pendapatan beliau sendiri. Kalau tuduhan menyalahgunakan kuasa dalam negara yang berdasarkan demokrasi itu terpulanglah kepada rakyat untuk mengambil tindakan memilih ketua lain. Jadi tidaklah perlu diadakan Suruhanjaya Khas dalam hal ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tuduhan korupsi terhadap Kerajaan Tun Datu Haji Mustapha, adakah N.B.I. membuat penyiasatan tuduhan itu sebagai satu badan bebas?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir N.B.I. sebagai badan bebas tentu ada menjalankan siasatan, kalau ada tuduhan yang didapati olehnya.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KOPERATIF (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (28hb Oktober, 1975).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pada masa Dewan ditangguhkan semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor sedang bercakap dan saya berjanji bahawa beliau boleh sambung hari ini. Sila sambung.

Perbahasan disambung semula.

3.30 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, pengelolaan hal ehwal koperatif di bawah Akta ini diserahkan kepada Lembaga Pengarah yang mengandungi beberapa orang ahli. Pegawai Daerah adalah Yang di-Pertua bagi Lembaga Pengarah itu. Apa yang disoal jawabkan pada masa ini adalah samada Pegawai Daerah sebagai seorang pegawai yang mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab yang khas dan semua kita mengetahui bahawa tanggungjawab yang khas itupun susah dan sukar untuk dibuat oleh beliau, misalnya berkenaan dengan pengeluaran title tanah, untuk melawat-lawat kawasan, untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat tindakan daerah, mesyuarat-mesyuarat pembangunan daerah dan sebagainya dengan sebab sibuknya beliau maka diberi pula tanggungjawab yang baru iaitu untuk menjadi Yang di-Pertua Koperatif di dalam daerahnya. Jadi kita tak boleh memikirkan bahawa Yang di-Pertua, kalaulah Yang di-Pertua itu juga menjadi Pegawai Daerah, akan boleh menjalankan tugasnya sebagai mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa ataupun mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah Koperatif dan juga menjadi Pengerusi di dalam Mesyuarat Agong Koperatif. Dengan ini tentu pentadbiran koperatif itu, di bawah Akta yang baru, sungguhpun tujuan Akta yang baru ini baik, mungkin tidak dapat berjalan dengan licin.

Selain dari itu, ada juga teguran berkenaan Managing Director ataupun Pengurus Besar. Pengurus Besar itu juga akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dengan dipersetujui oleh Pendaftar dan adalah dibayangkan bahawa Pengurus Besar itu daripada seorang Pegawai Jabatan Kerjasama dan akan diberi gaji yang besar, boleh jadi gaji meningkat four figures salary. Sungguhpun dengan bercantum syarikat-syarikat kerjasama di dalam sesebuah daerah ini, akan juga mencantumkan segala harta benda dan wangnya, tetapi walau bagaimanapun syarikat-syarikat koperatif yang seumpama itu tidak akan ada kemampuan untuk memberi gaji \$1,200-\$1,500 sebulan kepada Pengurus Besar itu selain daripada bayaran gaji kakitangan yang lain. Dengan sebab itu melantik seorang Pegawai daripada Jabatan Kerjasama akan juga melebihi beban dan belanja koperatif di bawah Akta baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kerumitan ataupun soalan yang dikemukakan ialah berkenaan dengan cara-cara mentafsirkan harta-benda koperatif-koperatif yang kecil-kecil itu apabila hendak disatukan. Mengikut keterangan bahawa ada Juru Odit yang akan mentaksirkan harta-harta koperatif itu kelak. Kerumitan yang timbul; kalaulah sebuah koperatif menyatakan bahawa taksiran yang dibuat oleh Juru Odit itu tidak wajar, kepada siapa pula boleh koperatif itu merayu untuk mendapatkan satu taksiran yang dianggap oleh mereka itu wajar. Teguran-teguran yang saya kemukakan ini adalah pandangan-pandangan yang pernah dibawa dan saya harap Kementerian yang berkenaan dapat membuat satu cara, supaya memperkemas lagi perjalanan koperatif di bawah Akta yang baru ini untuk faedah ahli-ahlinya.

3.36 *ptg.*

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian di dalam menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Ordinan Rang Undang-undang Koperatif, 1948.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa syukur di atas pandangan jauh yang diberi oleh Kementerian ini di dalam membentangkan Rang Undang-undang bagi memperluaskan bidangkuasa kepada Ordinan Koperatif, 1948 terutamanya bagi menggerakkan satu sistem koperasi yang teratur di negara kita yang

sedang membangun ini. Barangkali kita semua mengetahui bahawa masalah besar yang dihadapi oleh negara kita ialah pengimporan bekalan bahan-bahan pertanian dari luar negeri sedangkan potensi negara kita untuk mengeluarkan bahan-bahan itu adalah besar sekali. Jadi dengan wujudnya Rang Undang-undang ini dapatlah Kerajaan menyusun semula organisasi, aktiviti serta kerja-kerja Jabatan Koperatif bagi memajukan gerakan koperasi daerah yang setengah-setengah daripadanya telah gagal di seluruh negara.

Daripada kajian-kajian yang telah dibuat, kita dapati bahawa sejumlah 607 buah koperasi daerah yang berasaskan pertanian (agro-based co-operative societies) telah tidak dapat bergerak dengan lancar dan sempurna daripada sejumlah semua sekali 1,557 dan bila melihat kepada keadaan yang kucar-kacir di dalam pentadbiran koperasi-koperasi itu maka eloklah Kerajaan menghapuskan sahaja syarikat koperasi itu ataupun membuat gabungan-gabungan yang tertentu dengan lain-lain syarikat yang lebih maju sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen baru 10B. Di bawah Akta yang dibincangkan ini. Adalah dicadangkan di sini bahawa pihak Kementerian supaya seboleh-bolehnya membuat gabungan ini dan diwujudkan gabungan ini di tiap-tiap daerah di seluruh tanahair. Ini akan lebih menjamin lagi kecekapan penyeliaan oleh pegawai-pegawai Jabatan Koperatif yang ditugaskan di seluruh daerah tersebut.

Pada pendapat saya masalah utama yang dihadapi oleh gerakan koperasi ialah bagi menembusi bidang-bidang yang lebih besar seumpama bidang perindustrian dan perdagangan. Kita dapati bahawa ramai petani, peladang, kaum nelayan dan pengusaha-pengusaha lain yang menganggotai koperasi-koperasi daerah itu, sebenarnya tidak dapat menafaat yang berkesan daripada gerakan koperasi oleh kerana kekurangan kecekapan administrasi dan lain-lain penyelenggaraan gerakan koperasi tersebut. Mereka menghadapi masalah-masalah besar yang begitu rumit hendak diuruskan, dan hasil daripada kesukaran ini para petani, nelayan dan lain-lain itu kurang dengan gerakan dan prinsip koperasi itu sendiri.

Kemampuan kaum-kaum atau golongan yang saya sebutkan itu untuk mengeluarkan hasil-hasil tani dan lain-lain adalah begitu

besar kerana mengikut banci penduduk yakni Laporan Golongan Masyarakat, 1972 membuktikan bahawa kira-kira 73.3% dari penduduk Malaysia tinggal di kawasan-kawasan desa yang sudah tentu secara langsung atau tidak langsung melibatkan diri mereka dengan usaha-usaha tani, menangkap ikan dan lain-lain. Sekiranya potensi yang besar itu dapat disatukan di bawah satu gerakan koperasi yang besar di seluruh negara, maka sudah tentu produksi mereka itu dapat diatur ke dalam pasar yang lebih sistematik.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bagaimana pengalaman-pengalaman pahit yang dirasakan oleh penanam-penanam tembakau dan kacang tanah umpamanya di Pantai Timur baru-baru ini dan lain-lain petani hasil daripada tidak tenteram dan tidak teratur sistem pasaran di negeri kita ini. Apa lagi yang mendukacitakan kita di tengah-tengah kempen dan teriakan-teriakan para pemimpin untuk mereka bersatu di bawah gerakan koperasi. Dari segi implementasinya gerakan koperasi ini, Kerajaan harus berhati-hati agar supaya tidak ada golongan-golongan orang tengah yang cuba mengganggu pasaran hasil ahli-ahli koperatif itu sendiri dengan cara menaikkan harga bermusim-musim dan menurunkannya sesuka hati (seasonal price taxing) dan harga keluaran-keluaran pertanian itu distandardisekan di seluruh negara melalui pasaran koperasi.

Sukacita saya mencadangkan di sini supaya pihak Kerajaan menjalankan gabungan sertamerta akan syarikat-syarikat koperasi yang berjumlah seperti yang saya sebutkan tadi dengan Koperatif-koperatif Peladang di seluruh negara dan menghapuskan sahaja mana-mana syarikat yang mundur dan hidup segan mati tak mahu.

Yang kedua, koodinasi antara lembaga-lembaga seumpama Persatuan Peladang, Lembaga Tembakau Negara, FAMA dan lain-lain haruslah diwujudkan betul-betul bagi menyelaraskan sistem pemasaran, penghasilan dan transportation kerana di masa-masa yang lepas kita dapati banyak fungsi-fungsi lembaga-lembaga tertentu itu overlapping.

Yang ketiga, bidang kuasa gerakan koperasi itu haruslah menetapkan zon-zon tertentu seperti zon-zon pengeluaran dan pe-

masaran padi umpamanya, zon-zon pengeluaran kacang tanah, buah-buahan dan lain-lain kemudahan pengangkutan.

Yang keempat, bagi menembusi bidang-bidang perdagangan dan perusahaan Kerajaan-kerajaan Negeri mestilah memberi kerjasama yang erat, terutamanya di dalam usaha mendapatkan tanah dan lain-lain kemudahan asas.

Yang kelima, untuk merealisasikan rancangan Koperatif Peladang seperti yang dianggotai oleh petani-petani dan lain-lain itu dengan cara large scale, maka perlulah pihak kita yakni pihak Kerajaan memberi keyakinan dan membuat perhubungan dengan badan-badan antarabangsa dengan fakta dan angka sekali, seumpamanya F.A.O. dan sebagainya untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan dari segi moral, material, expertise ataupun kepakaran-kepakaran lain.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kembali akan Rang Undang-undang ini, yakni pindaan kepada Seksyen 21 mengenai Qualification for Membership. Saya dapati had umur 18 tahun adalah tidak kena pada tempatnya untuk diambil kira akan kanak-kanak sekolah yang ingin menceburkan diri dalam gerakan koperasi kerana mengikut penyiasatan tidak kurang dari 200 buah koperasi telah diwujudkan di kalangan para pelajar di seluruh tanahair. Peluang untuk koperasi pelajar ini untuk menggabungkan diri di bawah Akta ini dengan koperasi-koperasi lain di daerahnya haruslah diberi kerana semangat koperasi yang disemaikan sejak dari sekolah itu adalah sungguh membanggakan kita semua apatah lagi bila kita melihat kepada Seksyen 4 (2) (e) yang menerangkan salah satu prinsip koperatif ialah promotion of co-operative education, yakni meninggikan pelajaran koperasi.

Selain daripada itu, saya ingin menambahkan lagi saranan saya iaitu status ataupun taraf Maktab Kerjasama yang ada sekarang ini mestilah dipertingkatkan bagi mengeluarkan siswazah-siswazah yang betul-betul terlatih di bidang koperasi dengan cara memperluaskan scope disiplin mata pelajarannya. Ini bukanlah bererti saya mencadangkan supaya Maktab Kerjasama ini menandingi fakulti-fakulti lain di universiti-universiti di Malaysia tetapi cuma untuk melengkapkan Pegawai-pegawai Jabatan Koperasi itu dengan scope ilmu

yang luas, seumpama statistics, accounting, economy, sociology, psychology dan lain-lain dan selepas daripada itu diberi pengiktirafan yang wajar kepada pelatih-pelatih kita itu oleh Kerajaan sendiri.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Penasihat Koperasi Kebangsaan yang diwujudkan melalui pindaan pada Fasal 31 itu hendaklah secara terbuka dan lapang dada bagi menerima apa-apa pandangan, buah fikiran, kritik-kritik, pendapat-pendapat daripada mana-mana individu, baik orang-orang professional ataupun orang-orang awam yang lainnya yang ingin berbuat demikian, sebab dengan cara ini dapatlah Majlis itu merencanakan strategi-strategi dengan baik untuk melaksanakan gerakan koperasi di seluruh negara dengan penuh berkesan dan bertanggungjawab.

Sekianlah beberapa pandangan yang dapat saya kemukakan untuk kebaikan gerakan koperasi ini semua apabila Rang Undang-undang ini berjalan sepenuhnya beberapa rancangan besar yang lebih berkesan akan dapat diperolehi lantas akan menukarkan corak hidup masyarakat Malaysia kepada corak hidup yang co-operative.

3.45 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Akta Syarikat Koperasi (Pindaan dan Perluasan), 1975. Di dalam sokongan ini, saya ingin menyebut beberapa perkara yang patut menjadi perhatian kepada Kementerian yang berkenaan.

Sejak 50 tahun yang lalu kemajuan koperasi di negara kita ini telah begitu baik sehingga setakat ini sungguhpun ada setengah-setengah bahagian dan setengah-setengah peringkat di antara koperasi ini hidup segan mati tak mahu. Ada sebahagian daripadanya pula tidak berapa lama sahaja perjalanannya akhirnya tutup sahaja koperasi ini, tetapi walau bagaimanapun koperasi ini tetap tumbuh dari semasa ke semasa dan telah dianggap koperasi di negara kita ini maju sehingga setakat ini. Di dalam perlaksanaan koperasi ini kita patut mengambil perhatian dari segi pentadbiran tiap-tiap koperasi yang berkenaan. Kalau sekiranya kecekapan yang ada pada tiap-tiap Jawatankuasa ataupun Pengarah-

nya bukan ini kemajuan yang ada pada mereka ini maka koperasi mereka ini akan berjaya. Jika sekiranya Jawatankuasa atau Pengarah Koperasi ini tidak dapat membuat sebarang kemajuan maka koperasi ini akhirnya tidak berjaya.

Di dalam negara kita ini pentadbiran yang baik bolehlah dikatakan kita tumpukan kepada satu pusat mendidik, mengajar kepada mereka yang ingin masuk dalam koperasi mentadbir pegawai-pegawai daripada peringkat atas sehingga ke bawah ialah hanya sebuah sahaja tempat, yakni Maktab Kerjasama yang ada sehingga setakat ini. Jika kita pandang Maktab Kerjasama ini kita rasa barangkali sudah cukup dengan yang ada dan apabila Akta Syarikat Koperasi ini diluluskan pula barangkali kita harap kepada Maktab Kerjasama ini juga tempat untuk mentadbir, mengawasi dan sebagainya.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, Maktab Kerjasama ini jika dibandingkan dengan maktab-maktab yang ada di dalam negara kita ini yang lain-lainnya sudah ada perubahan, dibesarkan kawasan, dibaharui bangunan dan berbagai-bagai lagi untuk memajukan di dalam lapangan yang lain. Pada saya Maktab Kerjasama ini yang telah dibangunkan beberapa lama itu masih macam itu juga dan tidak ada sebarang perubahan yang baik sepertimana maktab-maktab yang lain. Ini bukan tidak mampu daripada pegawai-pegawai yang ada di dalam maktab ini, barangkali pihak Kerajaan tidak ataupun sudah berfikir cara ataupun taraf Maktab Kerjasama yang ada ini setakat itu sahaja. Oleh itu, pihak Kementerian yang berkenaan mengkaji semula Maktab Kerjasama ini patut diselaraskan dengan maktab-maktab yang ada di dalam negara kita yang boleh membangunkan negara kita sehingga setakat ini dan sesuaiilah dengan maktab ini dapat dibesarkan, dapat dimajukan lagi ataupun dibuka kepada cawangan-cawangan-nya sepertimana Maktab I.T.M. yang telah dibuat di Pantai Timur misalnya, boleh menjadi sebagai contoh supaya apabila sahaja koperasi kita ini berjalan dengan begitu baik dapat dibantu pula oleh pihak maktab-maktab ini dan dapat pula mendidik, mengajar, mengawasi supaya perlaksanaan ini dapat berhasil dengan sepenuhnya. Saya yakin penuh kepada

Kementerian ini akan mengambil perhatian, jika didapati kawasan Maktab Kerjasama yang ada pada masa ini tidak sesuai lagi, bolehlah difikirkan dibawa ke satu tempat yang lebih luas supaya tujuan koperatif kepada seluruh rakyat, bukan sahaja yang berada di sekeliling bandar, bahkan sehingga ke kawasan pedalaman pun dapat menikmati di atas koperatif yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh supaya 10 keahlian dinaikkan kepada 100 keahlian yakni 100 orang dan jika perlu perkara ini hendaklah dikaji dari semasa ke semasa supaya tidaklah kecil keahlian tiap-tiap koperatif yang ada di daerah-daerah ini. Sudah tentu bila keahlian kecil modal-pun kecil. Bila modal kecil tidak dapat melaksanakan apa-apa rancangan selain daripada pinjam-meminjam yang ada setakat ini sahaja.

Dividend yang biasa dikeluarkan oleh koperatif daerah ini kepada ahli-ahlinya hanya setakat 6% walaupun kadang-kadang barangkali ada keuntungan yang lebih. Oleh itu, sesuaiilah supaya dividend ini dinaikkan supaya jadi sebagai satu pandangan atau satu tarikan kepada ahli-ahli yang hendak masuk sebarang koperatif yang mereka setuju. Kenaikan dividend ini adalah satu perkara yang penting supaya dapat dipertimbangkan sambil kita mengawasi supaya kenaikan dividend yang diberi itu tidak pula akan merugikan koperatif yang berkenaan.

Di dalam Kementerian berkenaan patut ada rancangan supaya koperatif yang ada di dalam negara kita ini disatukan pada keseluruhannya yakni di peringkat daerah, tetapi sejak akhir-akhir ini kita dengar juga ada sebahagian daripada koperatif yang telah ujud begitu lama semenjak 50 tahun dahulu, misalnya, syarikat guru-guru yang ada di dalam negara kita, ada setengah-setengah syarikat guru-guru ini daripada negeri, ada setengahnya daripada daerah-daerah, kadang-kadang sebuah negeri ada tiga empat buah syarikat guru-guru. Mengikut berita-berita akhbar satu ucapan telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tempoh hari di Kedah menyeru supaya syarikat-syarikat guru yang ada di dalam negara ini disatukan dan sejak akhir-akhir ini kita dapati syarikat guru-guru ini

telahpun bercadang dan mereka ini ingin sangat disatukan kepada satu koperatif yang besar. Saya suka mengalu-alukan kepada kesedaran yang ada pada guru-guru di dalam syarikat ini dan mereka ini pula bercadang menjadi satu koperatif yang besar. Saya percaya bukan sahaja Kementerian yang berkenaan bahkan Yang Berhormat Menteri dan kita semua menyokong penuh di atas rancangan yang seperti ini. Ini mungkin dapat pula menjadi contoh kepada koperatif-koperatif yang lain yang ada dalam negara kita jika koperatif yang besar yang dicantumkan oleh syarikat guru ini mendapat hasil yang begitu baik.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta ini cara koperatif yang akan dilaksanakan kelak mungkin berlainan daripada yang ada pada masa sekarang. Ini ialah oleh kerana pentadbiran yang diperingkat daerah, misalnya, peringkat pegawai-pegawai akan ditukar kepada pengurusan sepertimana di dalam kompeni-kompeni. Selain daripada itu, di dalam koperatif ini ada fungsi-fungsinya yang boleh menjadi satu kemajuan yang besar di dalam negara kita. Jika kita pandang pada saat inipun, kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh syarikat-syarikat lain yang bukan koperatif yakni bukan syarikat-syarikat kerjasama kita dapati syarikat ini lebih baik, lebih maju dan lebih menguntungkan walaupun kadang-kadang syarikat-syarikat ini keahliannya tidak sampai 10 orang pun. Sebabnya ialah mereka ini telah mengambil kursus di dalam beberapa lapangan, misalnya, di dalam lapangan perdagangan, perumahan, pengangkutan dan kenderaan, pemilikan tanah, estet dan sebagainya, credit dan banking, insuran, perindustrian. Jadi, ini bererti syarikat kerjasama yakni koperatif yang telah ujud 50 tahun yang lalu hanya sejak akhir-akhir ini sahajalah baharu ada perubahan-perubahan sedikit kerana mengikut Akta yang telah dibuat beberapa lama dahulu. Jika sekiranya Akta Syarikat Koperatif ini diluluskan saya yakin ahli-ahli yang ingin masuk di dalam lapangan koperatif tidak lagi ragu-ragu dengan koperatif selain daripada syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi yang hanya tidak sampai 10 orang pun. Syarikat ini telah menjadi satu syarikat yang maju, untung, kaya dan sebagainya dan saya yakin dengan koperatif yang akan diwujudkan inipun dapat

pula mengikuti perkembangan daripada yang ada yang sudah menjadi contoh kepada kita pada masa ini.

Jadi, dengan ini orang ramai yang menjadi ahli kepada koperatif ini akan masuk di dalam lapangan perdagangan, perumahan, pengangkutan dan kenderaan, pemilikan tanah, credit dan banking, insuran, perindustrian. Jika pihak Kementerian berkenaan sudah fikir ketujuh-tujuh yang saya sebutkan ini sudah mencukupi dan ingin pada permulaannya, saya percaya bukan sahaja tujuh bahkan kalau sebahagian daripadanya pun dapat dilaksanakan dengan baik saya yakin sudah tentu baik daripada rancangan yang ada. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji hal ini dan bukan setakat ini sahaja daripada tempat yang paling tinggi yakni Maktab Kerjasama patut ada perubahan sehingga kepada peringkat bawahan. Ada setengah-setengah tempat pejabat-pejabat kerjasama tidak dikenali langsung oleh orang ramai kerana pejabat ini duduk di satu tempat yang susah dapat dilawati oleh ahli-ahli koperatif. Ini ialah kerana barangkali kewangan yang ada pada Kementerian berkenaan tidak mencukupi untuk membuat sebuah pejabat khas mengenainya tetapi bukanlah maksud mesti membuat satu pejabat yang indah, besar, cantik seperti Pejabat Pegawai Daerah misalnya, memadailah dicarikan satu tempat untuk sebuah pejabat yakni pegawai yang disebutkan Pengurus Urusan tadi dapat duduk dan dapat pula ahli-ahli koperatif ini berjumpa mereka pada sepanjang masa. Walaupun mereka ini akan datang dengan cara berjalan kaki, dengan basikal, dengan bas, tetapi mereka ini dapat kemudahan menemui pegawai-pegawai ini supaya dapat menasihati mereka dan dapat pula tunjuk ajar supaya dalam lapangan baru ini mereka akan dapat menikmati sepertimana juga syarikat-syarikat lain yang berkenaan terdiri daripada koperatif yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri bahawa pejabat-pejabat ini adalah tempat yang paling penting dan kalau pejabat-pejabat ini duduk di satu tempat yang tidak sesuai lagi eloklah dari sekarang pihak Yang Berhormat Menteri mengkaji dan mencarikan satu tempat yang paling selesa untuk dapat menemui sebarang rakyat yang masuk dalam lapangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai berkenaan dengan murid-murid sekolah yang sudah pun kita dapati maju di dalam koperatif ini, dan selain daripada mereka menjadi penuntut dalam lapangan lain mereka pula dengan cara sendiri, dengan secara tidak langsung berada di dalam Maktab Kerjasama tetapi bukan dalam maktab yang sebenarnya yakni mereka dapat mempelajari supaya mereka ini dapat pula di satu masa apabila dewasa kelak menjadi pemimpin kepada koperatif yang wujud di dalam negara kita.

Saya yakin dengan cara yang ada sekarang, cuma barangkali terpaksa mereka ini mempelajari beberapa perkara yang lain yang boleh apabila mereka dewasa kelak bukan sahaja mereka ini terpaksa menumpukan kepada menjadi pegawai-pegawai Kerajaan bahkan mereka inilah juga akan menjadi orang-orang yang disebutkan "swasta" yang kita dapati pada saat ini pun sudah maju di dalam lapangan ini di negara kita. Mereka ini juga selain daripada menjadi pegawai-pegawai Kerajaan apabila mereka sudah mempunyai ilmu, misalnya, ilmu perdagangan, ilmu perumahan, pengangkutan dan sebagainya mungkin dapat menolong negara kita ini supaya tidak ramai lagi penuntut-penuntut yang berhenti daripada sekolah menjadi penganggur dan daripada menjadi penganggur inilah kita dapati begitu ramai anak-anak muda kita di dalam negara kita yang telah rosak moralnya. Jadi, dengan adanya Akta Syarikat Koperatif ini bagi tahun 1975 bukan setakat perubahan daripada yang ada ini kepada satu perubahan yang baharu bahkan daripada perubahan yang baharu ini pula anak-anak kita di satu masa kelak akan berada di satu lapangan yang maju seperti di negara-negara lain juga yang sudah maju sehingga setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi permulaan barangkali Yang Berhormat Menteri telah membuat persediaan supaya ada koperatif-koperatif yang mempunyai fungsi yang sama akan dicantumkan menjadi sebuah koperatif daerah di tempat masing-masing. Saya menyokong di atas rancangan ini. Dan apabila koperatif-koperatif yang mempunyai fungsi yang sama dicantumkan misalnya koperatif dalam bahagian perindustrian dan koperatif ini telah dicantumkan supaya dijadikan satu, mungkin begitu mudah sekali dalam bahagian percantuman, tetapi tentu

begitu susah jika fungsi yang berlainan hendak dicantumkan menjadi satu. Oleh itu kepada Yang Berhormat Menteri di dalam hal perlaksanaan ini bukanlah mesti pada tahun hadapan pegawai-pegawai itu kita mesti memaksa supaya menunjukkan satu kemajuan yang mesti dicapai, jika tidak pegawai ini akan dihukum, tentu tidak begitu. Artinya di dalam bahagian percantuman ini mestilah cara berperingkat-peringkat dan dengan cara ini juga pihak Jawatankuasa Koperasi masing-masing tidak akan mengalami satu kesulitan apabila sahaja Akta Syarikat Koperasi ini diluluskan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, biasanya koperasi-koperasi yang ada ini kadang-kadang kita baca dalam akhbar sungutan daripada ahli-ahli mereka sendiri. Misalnya, ada ahli-ahli menulis mengatakan syarikatnya sudah tidak ada mesyuarat lebih daripada 3 tahun, 4 tahun, 5 tahun dan sebagainya. Sepatutnya setahun sekali diadakan Mesyuarat Agung. Jadi dengan sendirinya ahli-ahli ini tidak mempercayai koperatifnya sendiri yakni Jawatankuasa yang dipilih, yang diharapkan supaya memajukan koperatifnya di satu masa dahulu. Satu daripada perkara yang menyebabkan demikian di dalam pengalaman saya ialah kerana pemeriksa kira-kira yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan tidak dapat memeriksa dengan begitu cepat oleh kerana banyak sangat syarikat-syarikat yang ada di dalam negara ini, dan ada pula di antara syarikat-syarikat ini oleh kerana kecil terpaksa pula mencari pemeriksa kira-kira yang murah-murah belaka, jadi tentulah susah. Dan oleh kerana terlalu banyak maka pemeriksa kira-kira ini tidak dapat memeriksa menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh ahli-ahli syarikat itu sendiri. Oleh itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri mencari jalan atau satu cara supaya Mesyuarat Agung ini dapat dibuat mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan dan dapat menjadi satu keyakinan kepada ahli-ahli supaya bukan dengan sebab ini sahaja maka ahli-ahlinya merosot, kewangannya merosot dan sebagainya yang boleh menyebabkan kerosakan kepada koperatif tersebut padahal ia boleh menjadi bertambah maju daripada masa yang sudah. Oleh sebab itu, daripada keterangan-keterangan saya tadi, saya yakin kepada Yang Berhormat Menteri dan saya menyokong penuh sebagaimana Ahli Yang

Berhormat dari Kuala Krai yang menyebutkan Pegawai Daerah adalah satu tempat yang terpaksa ditumpukan oleh koperatif-koperasi yang ada pada masa ini. Setahu saya Pegawai Daerah ini sudah terlalu banyak menjalankan tugasnya, selain daripada menjadi pegawai pentadbir di daerahnya sendiri, kadang-kadang terpaksa pula bekerja sebagai Wakil Rakyat, kadang-kadang terpaksa pula bekerja sebagai Menteri atau sebagai buruh. Ini sudah tidak patut lagi kita tanggungan semua masalah-masalah ini kepada Pegawai Daerah lagi. Oleh sebab itu, patutlah Yang Berhormat Menteri mencari satu jalan supaya siapakah yang sesuai dapat bersama-sama memajukan koperatif yang ada ini. Jadi saya harap dengan perkara-perkara yang tersebut tadi dapat menjadi perhatian Yang Berhormat Menteri mengkaji daripada Maktab Kerjasama sehinggalah pada keseluruhan yang saya sebutkan tadi untuk menjadi panduan mudah-mudahan pada masa akan datang koperatif yang ada di negara kita ini sama setaraf dengan syarikat-syarikat yang bukan koperatif yang ujud pada masa ini.

4.10 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jelun-Langkawi): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan undang-undang ini. Pertama sekali berkenaan dengan keahlian yang perlu diubah daripada 10 hingga 100 sebagai salah satu daripada syarat kerana ini akan menjamin pembangunan dan kehidupan sebahagian besar syarikat-syarikat koperatif yang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Ini adalah disebabkan kekurangan kewangan dan modal hasil daripada kekurangan keanggotaan dan sumbangan yang boleh diterima daripada ahli-ahli yang mempunyai syarikat yang begitu kecil. Dan dengan ini juga perjalanannya akan tersekat oleh kerana layanan atau sumbangan dan sambutan daripada institusi kewangan atau bank-bank perniagaan akan dingin dan dengan ini juga mereka tidak dapat mengeksploitasikan kebaikan economy of large scale dalam perniagaan dan bekalan.

Satu lagi pindaan yang saya agak menggalakkan ialah tambahan mengenai Capital Reserve Account. Ini akan membuka peluang bagi koperatif yang maju dan berjaya untuk menambahkan modal dan minat kerana Koperasi yang berjaya itu akan dapat mengeluarkan bonos sebagai incentive dan sebagai

tambahan modal untuk melaksanakan rancangan-rancangan mereka. Tetapi di dalam menyokong undang-undang ini, ataupun pindaan undang-undang ini, saya rasa perlu juga dinyatakan di sini tentang kepentingan bagi badan-badan Kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan undang-undang ini untuk sentiasa mengawasi tentang constrain atau sekatan-sekatan dan had-hadnya, semasa hendak melaksanakan peraturan-peraturan ini bagi syarikat-syarikat koperatif yang ada sekarang. Dari segi theory undang-undang ini mungkin sudah boleh dilaksanakan. Tetapi dari segi praktikal pula ini cuma mudah dilaksanakan sekiranya kita mengadakan semuanya sekali gus secara baru. Tetapi seperti Yang Berhormat Menteri sedia maklum, syarikat-syarikat koperatif sekarang sudah begitu banyak sekali dan di antaranya cuma sebilangan kecil sahaja yang sedang maju. Kebanyakannya cuma tinggal nama dan hutang-piutang yang besar sahaja, dan sejarah pentadbiran yang agak merosot sekali.

Tidak berapa bulan dahulu satu Persidangan Syarikat-syarikat Koperatif atau Perhimpunan-perhimpunan Koperatif Luar Bandar secara besar-besaran telah diadakan di Kuala Lumpur di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri merasmikan persidangan ini. Dan dalam persidangan itu, dua syarikat koperatif telah dipilih sebagai syarikat yang berjaya. Dukacita kepada diri saya, dua syarikat yang telah mendapat tempat yang istimewa itu ialah syarikat yang ditadbirkan oleh kaum wanita.

Kejayaan mereka itu berdasarkan beberapa faktor pertamanya leadership yang dilahirkan oleh pucuk pimpinan atau jawatankuasa syarikat itu. Kemudian usaha tenaga dan mereka yang bersepakat. Dan kuat dan lebih-lebih lagi dedikasi mereka ini semua beramanah. Dan kebolehan untuk membentuk keyakinan di antara ahli-ahli dan pemegang saham mereka dan keupayaan mereka bagi menjalankan projek-projek yang boleh membawa faedah kepada ahli-ahli mereka. Tetapi dari segi pentadbiran pula mereka ini tidak mempunyai sophistication dalam pengurusan dan pengalaman mereka juga terhad kepada sijil-sijil yang telah diperolehi dari sekolah atau lepasan-lepasan sekolah atap. Tetapi keteguhan dan kebolehan mereka itu telah memperolehi sokongan Bank Pertanian dan Bank Rakyat secara besar-besaran. Inilah asas kejayaan

mereka. Pada hari ini salah satu daripada dua koperatif itu sedang diuruskan oleh Managing Director yang cuma bergaji \$80 sebulan, tetapi sedang menjalankan perniagaan tidak kurang daripada setengah juta bagi tiap-tiap satu pusingan. Mereka telah juga berjaya menebus beratus-ratus relung tanah yang telah tergadai kepada orang-orang tengah dahulunya dan secara tidak langsungnya telah mengambil peranan yang begitu aktif sekali dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita.

Ini memang satu perbandingan kepada banyak lagi koperatif yang ada di dalam negara kita yang telah gagal di mana setengah-setengahnya diuruskan oleh pegawai-pegawai yang bertauliah dan bergaji dan setengah-setengah pula diuruskan oleh bekas-bekas Pegawai Daerah dan bekas-bekas Pegawai-pegawai Kerajaan yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan tentang gerakan koperatif. Sekiranya undang-undang ini bertujuan untuk menggabungkan semua gerakan koperatif, pertamanya proses ini hendaklah dilakukan secara perlahan-lahan dan badan-badan yang berkaitan patut mengkaji dan menganalisa kedudukan koperatif yang ada itu dan dibahagikan kepada yang berjaya yang memerlukan bantuan dan yang tidak patut disokong lagi dan yang patut dihapuskan. Dengan kajian dan analisa yang cermat dan halus tentang harta-harta dan tanggungan-tanggungan serta pengurusannya barulah agak saya gabungan boleh dimulakan, kalau tidak koperatif yang maju akan menjadi mangsa kepada yang tidak maju.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mempergunakan Mesyuarat*)

Tujuan dan rancangan-rancangan koperatif yang ada juga harus dikaji oleh kerana setengah-setengah darinya adalah multi-purpose cooperative dan setengah-setengahnya telah menjalankan perniagaan yang agak specialise.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, semasa Ahli Yang Berhormat berucap harap pandang ke sini.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana saya tidak sedar bahawa Yang di-Pertua baru sahaja masuk ke

dalam Dewan ini. Memandang wajah Yang di-Pertua yang begitu indah dan elok saya akan patuh kepada arahan ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Terima kasih.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin: Gabungan itu tidak akan memusnahkan identiti dan inisiatif syarikat-syarikat dan orang-orang yang sedang menjalankan urusan di syarikat-syarikat ini. Oleh kerana, penggabungan dengan ketiadaan kajian dan siasatan akan menerima sokongan penuh, saya percaya daripada syarikat-syarikat koperatif yang lemah dan yang banyak terhutang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa koperatif ini memerlukan perundingan dan penasihat untuk membolehkan mereka memperoleh bantuan-bantuan untuk feasibility studies, punca-punca kewangan dan pasaran. Oleh itu penubuhan satu National Co-operative Advisory Council adalah tepat pada masanya.

Satu lagi perkara yang lebih diperlukan sekarang oleh koperatif ialah sokongan kewangan daripada punca kewangan untuk menambahkan urusan syarikat itu yang telah berjaya untuk membolehkan mereka menarik lebih banyak lagi ahli dan bantuan dalam segi pentadbiran dan dengan ini dapat kita membantu ahli-ahli ataupun melindungi modal-modal ahli yang telah dikumpulkan dalam koperatif tersebut. Dan dengan itu mereka boleh berniaga lebih dan mendapat untung yang lebih untuk menggalakan ahli-ahli baharu dan dengan ini dapat menambahkan untung yang lebih kepada ahli-ahli yang lama.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang sedihnya sekarang ini punca-punca kewangan yang boleh diterima atau boleh menyokong syarikat-syarikat koperatif ini sangatlah terhad terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Ini jelas kita buktikan dalam Lapuran Bank Negara Malaysia di mana ternyata hanya 9% atau 10% daripada jumlah simpanan wang negara yang disimpan dalam commercial banks telah disalurkan ke kawasan-kawasan luar bandar, padahal banyak daripada wang-wang ini datangnya daripada orang-orang luar bandar hasil daripada Rancangan Pembangunan

Luar Bandar, dan kebanyakan wang-wang ini disalurkan balik untuk pembangunan di kawasan-kawasan bandar.

Ini jelas bahawa arahan Kerajaan melalui Bank Negara kepada bank-bank perdagangan untuk melaburkan dalam projek-projek agro-based di kawasan-kawasan luar bandar tidak begitu effective lagi. Adalah tidak memuaskan dan mungkin kerana mereka tidak mempunyai kakitangan yang terlatih dalam bidang ini dan yang betul-betul mempunyai pegawai-pegawai yang betul-betul faham tentang tata tertib dan selok-belok orang-orang di kawasan luar bandar. Cuma yang mereka mendapat bantuan setakat ini sebahagian kecil sahaja daripada commercial bank, tetapi bantuan yang besar ialah daripada Bank Rakyat, Bank Pertanian dan sebahagian daripada anggota Chartered Bank. Bantuan tidaklah mencukupi kerana sebab-sebab yang saya sebutkan itu. Kalau koperatif ini hendak maju, saya percaya peranan Bank Pertanian Malaysia patut diperkembangkan dan diperkukuhkan dengan cara mewajibkan commercial banks di dalam negara kita supaya menyimpan sebahagian daripada wang-wang yang disimpan oleh rakyat atau orang ramai dalam bank-bank mereka, bagi tujuan membiayai projek-projek pertanian dalam Bank Pertanian sebagai salah satu langkah tambahan bagi membantu koperatif-koperatif yang sedang maju dan yang boleh dimajukan pada masa-masa yang akan datang.

4.25 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya mengambil peluang untuk memberikan pandangan saya ke atas Rang Undang-undang satu Akta meminda Ordinan Syarikat Koperatif, 1948 dan bagi memperluaskan Ordinan itu. Syarikat-syarikat Koperatif telah tumbuh dengan pesatnya di dalam negara kita disebabkan kerjasama dan galakan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia. Beratus-ratus Syarikat Koperatif adalah memberikan khidmatnya kepada rakyat di negara kita hari ini. Sebahagian daripada syarikat koperatif itu telah bertumbuh dengan majunya akibat dari rancangannya yang berkesan

dan perlaksanaannya. Saya harap ianya akan memberikan faedah kepada ahli-ahlinya, Syarikat Koperatif di dalam negeri ini telah menjadi sebuah projek yang terbesar bagi pemaju-pemaju membina rumah-rumah untuk mereka yang berpendapatan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan koperatif telah menjadi sungguh berjaya di mana di dalam negara kita hari ini, kita mempunyai beberapa buah bank yang diusahakan oleh koperatif tersebut. Adalah wajar bagi kita memastikan bahawa syarikat-syarikat seperti M.C.I.S., atau Malaysian Co-operative Insurance Society yang telah berkembang maju dari sehari ke sehari semata-mata dengan rancangan-rancangan yang dinamik dan pemberian subsidi Bank Pusat Koperatif telah berjalan dengan sungguh-sungguh berkesan di mana ianya telah mengeluarkan 10% faedah kepada ahli-ahlinya tiap-tiap tahun. Pelaburan-pelaburan dari syarikat-syarikat seumpama itu adalah terus digalakkan memandangkan munafaat-munafaat yang diperolehi oleh ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah Hotel Bintang Lima Antarabangsa, sebuah estate kelapa bali, sebuah bengkel jentera, sebuah rumah bertingkat dan sebuah kilang gelas adalah di antara hasil-hasil yang diperolehi oleh sebuah Syarikat Koperatif di negara ini, dengan tidak syak lagi syarikat itu ialah M.C.I.S. Syarikat ini telah menunjukkan satu contoh yang terbaik sekali dalam negara ini tentang bagaimana sebuah Syarikat Koperatif boleh hidup maju dan dengan pengurusan yang betul. Apabila membandingkan contoh yang baik itu seseorang itu akan juga memberikan contoh yang tidak baik, setengah-setengah syarikat tiada langsung mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan, dividen hanya sebagai satu mimpi sahaja. Perkara-perkara kebajikan ahli-ahlinya tidak mustahak kepada mereka. Walaupun kemajuannya menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang sahamnya, namun tiada siapa yang boleh menyuarakannya. Walaupun pejabat koperatif mereka tidak berani menyoal ataupun melanggar masuk untuk melihat apakah yang terjadi kepada wang orang-orang miskin yang diamanahkan untuk kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang lain adalah mengenai syarikat-syarikat cendawan (mushroom societies) yang terdapat di beberapa bahagian di dalam negeri kita. Sebahagiannya tidak mahu langsung

mengenalkan akan wujudnya syarikat itu dengan mengadakan Mesyuarat Agong. Namun demikian, mereka dibiarkan berjalan tanpa diperiksa.

Pengenalan Akta ini sebagai meminda Akta ibu amatlah tepat pada masanya. Dengan sedihnya diperhatikan bahawa Akta yang ada sekarang membenarkan sebuah syarikat yang akan ditubuhkan hanya dengan 10 orang ahli sahaja. Walau bagaimanapun berkesannya mereka dapat berjalan dengan peyertaan 10 orang musketeers adalah dianggap sebagai tidak berjaya. Dengan kemudahan yang wujud itu pada keseluruhannya ia tidak akan dapat mematuhi perjalanan koperatif yang sebenarnya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita sekarang ada sebuah Akta yang hendak dipinda Akta ibunya untuk memberikan pelaksanaan yang berkesan. Saya mengucapkan terima kasih kepada penggubal Akta ini terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 di dalam Akta ini berkehendakkan angka minima 100 orang ahli untuk menubuhkan sebuah syarikat koperatif dan ianya ditubuhkan sebagai sebuah syarikat sesungguhnya amatlah mengembirakan—bersyukur kepada Tuhan. Masanya telah tiba untuk kita mengucapkan selamat jalan kepada 10 “musketeers” itu. Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menggugurkan gang monopoli yang kecil bagi sesebuah syarikat koperatif.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, Section 6 (a) and (b) seeks to introduce voluntary and open membership in co-operative societies. Tuan Yang di-Pertua, to be open-minded in membership is another step to create more participation from the public. But the question of democratic management is something to be looked into seriously. In some co-operative societies, job opportunities are not given even to the children of the members. It is given on personal popularity which eventually brings group control in societies. How democratic a management can be is left to the individual who controls the society. Many seek democratic mandate to get into office in co-operative societies, but once they are in, they lay a selfish, strong foundation to remain permanently. One good old saying exists which says that “democracy is another form

of slavery". I do not believe in this, Tuan Yang di-Pertua, but it is painful to note that certain individuals use the co-operative movement for their own ends using democracy as a stepping stone. What can an ordinary member do when democracy is made use as a force to carry a handful of "Hitlers". I feel that there is only one way, and that is to look forward to the Registrar-General and to the Honourable Minister; but I am sorry to record here, Tuan Yang di-Pertua, past experience has proved that it is also ineffective.

I myself, as a member of one co-operative society, when I raised certain complaints against the society, not even a reply or acknowledgement from the Ministry or from the Co-operative Department was received. I had raised every point with facts—just facts and nothing less than that. Millions of dollars have been wasted by one co-operative society—I do not want to mention the name—not one million, not two millions, not three millions, but five million dollars. Up till today, I do not think any co-operative officer has visited the society to find out how the money was invested, why it was invested. When there is no viability, why should they invest such money? This is where the failure of democracy arises. When a big and popular man, an influential man in society does things, no one questions him. They are very afraid, and even the Co-operative Department is very afraid to go near him.

Tuan Yang di-Pertua, I am also the chairman of a very small co-operative society consisting of only 105 members, but I get letters after letters asking me to submit this account and that account, and enquiring as to what I did with this money and when I banked it and so on. It is very perfect and I support it. But it must be *vice-versa*, and it must not only be applied for the ordinary small co-operative societies, but also for the big co-operative societies where no one can enter, no one will know what is happening. I can say, Tuan Yang di-Pertua, at the end of each year, when the accounts are submitted, one does not even know for what purpose the money was spent. They just say, "salaries, commissions, commissions for this, commissions for that, \$1.2 million, \$1.3 million" and so on, and the miscellaneous expenditure is more than the capital expenditure—\$3 million miscellaneous expenditure in a co-operative society! I am very surprised, Tuan

Yang di-Pertua, because the officer from the Co-operative Department comes and sits inside the meeting like a small mouse and the whole society is being controlled by one individual. When a member gets up to ask questions, he says, "Sit down". Why? It is because—this is where the failure of democracy is—he has got a handful of people sitting around him and in front of him, and he puts them here and there in a strategic position. When a member gets up to ask a question innocently, he is being shouted down. Where is fairness, Tuan Yang di-Pertua? What is going to happen to the money? I am also an investor in the society. Nobody is there to ask any questions. I feel that it looks as if law is being taken away by certain individuals just because they are great in society, they are influential in society. I think this practice must be abolished immediately. I request the Honourable Deputy Minister to look into this.

Money from an ordinary man, the hard-earned money from estate workers earning \$2.80 per day, is invested in the society. What is happening to the money? Nobody knows. They earn that \$2.80 by carrying pails and pails of latex every day with their sweat which even darkens the colour of the white latex, and that is where the money is drawn. If nobody is going to take care of this, Tuan Yang di-Pertua, I think something is going to be wrong somewhere, which I do not want to mention here as we are all aware of it.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dengan banyaknya saya menyatakan bahawa Pendaftaran Besar Syarikat Koperatif kini telah diberi kuasa di bawah Fasal 10 Akta ini yang akan mengadakan satu pindaan dalam Undang-undang Syarikat Koperatif yang ada sekarang. Dengan demikian akan dapat memastikan Rang Undang-undang ini dilaksanakan dengan penuh kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 14 meminta lebih banyak butir-butir dimasukkan ke dalam daftar ahli-ahli adalah juga satu langkah yang progressive untuk mengikis motive palsu yang ditunjukkan kepada ahli-ahli syarikat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan berapa banyak syarikat-syarikat di dalam negeri kita yang betul-betul mempunyai daftar ahli-ahli yang lengkap dan adalah Pendaftaran Besar mempunyai peluang untuk

menjalankan penyiasatan ke atas documents yang seumpama itu. Ini telah menjadi satu cara di dalam syarikat-syarikat Koperatif yang menerima wang daripada ahli-ahlinya tetapi mereka tidak mengeluarkan receipts selama beberapa bulan sehingga dan melainkan ahli yang berkenaan menulis surat 10 helai sesungguhnya amat malang bahawa kadang-kadang seseorang itu langsung tidak menerima sebarang tanda penerimaan atau sebarang perhubungan yang dilakukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal ini akan menggantikan perbuatan setengah-setengah pegawai-pegawai yang mempunyai motives cemburu yang biasanya dilakukan oleh ahli-ahli baru. Saya pernah melihat dalam sebuah syarikat semasa mengadakan Mesyuarat Agung ahli-ahli akan berkumpul dan ahli-ahli asas sendiri hendak bertanya soal-soal tentang perjalanan syarikat itu kerana ahli yang baru masuk syarikat itu yang kebetulannya seorang stooge kepada pegawai-pegawai itu akan melompat ke hadapan untuk mempertahankan pegawai-pegawai yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya meminta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan semata-mata untuk ingin tahu pergi menghadiri mesyuarat setengah-setengah syarikat koperatif, tetapi saya minta maaf daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri janganlah marah saya, janganlah pergi ke mesyuarat untuk pembukaan rasmi sahaja yang mana cerita yang betul tidak dikeluarkan. Dengan cara yang demikian dapatlah dicatitkan tentang bagaimana mereka mengendalikan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah mengalami semasa menghadiri mesyuarat koperatif yang tertentu, seseorang itu akan berasa hairan tentang bagaimana pelampau Hitler. Hitler has vanished only from Germany, but a lot of "Hitlers" exist in the co-operative societies. They are just great "Hitlers". Nobody can see them. They are great because they sit on a big bulk of money which belongs to the ordinary people, terhadap kalangan masyarakatnya, umpamanya tidak membenarkan sebarang ahli bercakap setidak-tidaknya untuk menyuarakan pandangannya. Buat apa yang aku kata, tetapi jangan buat apa yang aku buat. Inilah polisi baru di dalamnya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Perkataan ini Ahli Yang Berhormat dapat petikan daripada mana?

Tuan S. Samy Vellu: Saya harap dengan pertolongan Akta ini Pendaftar Besar akan dapat semula amalan yang tidak dikehendaki itu, tetapi kalau Pendaftar Besar itu masih mendiamkan diri dengan adanya Akta ini maka biarlah Tuhan menyelamatkannya.

Sir, the final point I wish to raise here is on Section 16 which provides for loan to members, employees and to subsidiaries. Two points are very interesting here.

One is in respect of loan to the members. Very fair—I appreciate it. A member should benefit out of the society by means of loans and other things. That is the reason why the society is formed. It is a legitimate right to get loans out of a society. Giving loan to the subsidiaries is also appreciated. That is the way a co-operative society could prove to the public how progressive it is and how it could branch out and work for the benefit of the people. But, Tuan Yang di-Pertua, why loans to employees? So many employees are taking more loans than their salaries nowadays in co-operative societies. I know of many co-operative societies where—in Bahasa Kebangsaan we call it "pakat"—the officer *pakat* with the executive staff, and the executive staff *pakat* with the officer, where big loans have been given to executive officers. But when a small man in the society asks for a loan to buy a bicycle, *itu tidak diluluskan*. That is the first thing he gets. How can we allow this, Tuan Yang di-Pertua? I think any application for loan that is submitted by the staff of the co-operative society must be vetted by the Registrar-General of Co-operative Societies. Don't allow them to take it, I have known of some co-operative society which even pays its general manager more than what the British Administration paid—\$6,000 per month, Tuan Yang di-Pertua, which is even more than what the Honourable Prime Minister gets. Is this the way we are going to run co-operative societies in this country in order to progress? I don't think so. We will be creating capitalism. Are we going to create capitalism out of co-operative societies? I don't think so.

The ulterior motive of the Government to create co-operative societies in this country is to let every man become a member and enjoy the benefits by way of a small contribution. But what happens? Under the auspices of co-operative societies today, many are coming in, all the rich "crocodiles" are sitting there in the name of co-operative society. What do they do? They are trying to evade tax to the Government. The only way to evade tax and the only way to pay lesser tax is by joining the co-operative movement. And they think, "this is the way we can get a 280SE Mercedes Benz". But the poor man who contributed the money walks and walks without even a pair of slippers. Are these the motives which we are going to allow now, Tuan Yang di-Pertua?

Sir, I would propose that all loans to the employees in co-operative societies should be approved by the Registrar personally. I have seen in some co-operative societies that loans, as I mentioned earlier, were given. Now, Tuan Yang di-Pertua, I do not say, "Don't give any loans to the co-operative society employees", please do give, but be fair; when you give the senior officer a Mercedes Benz 280SE, please give the ordinary man, not necessarily a Raleigh bicycle, but a Hercules bicycle or some other bicycle cheaper than that. This is what I want. This is what we are working for and what we are here for in this Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, I have to thank you for all the patience I have taken out of you. I must say what I have expressed today is not with a view of attacking any personalities or individuals but it is only with a view to have more progressive co-operative societies which will work towards the aim of the Government and also at the same time towards the benefit of the people, i.e. "one for all and all for one".

4.45 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Akta Syarikat Koperasi (Pindaan dan Perluasan), 1975 yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Sokongan saya ini adalah atas keyakinan bahawa melalui Syarikat Koperasi satu-satunya cara yang memberi peluang kepada orang ramai melibatkan diri mereka dalam perusahaan dan perdagangan di negara ini.

Sungguhpun koperasi atau lebih terkenal dengan nama Syarikat Kerjasama telah ditubuhkan di negara ini lebih setengah abad yang lalu, tetapi kemajuan yang dicapainya sangatlah tidak memuaskan dan sesuaialah kalau kita katakan sebagai kerakap tumbuh di batu. Lagi pun, Tuan Yang di-Pertua, bidang kegiatannya hanya terbatas kepada satu dua jurusan sahaja iaitu pinjam-meminjam dan jimat-cermat. Konsep Syarikat Kerjasama yang ada hari ini adalah tidak sesuai lagi dengan dasar Kerajaan iaitu dasar Kerajaan hari ini ingin melihat lebih ramai lagi rakyatnya terutama mereka yang tinggal di luar bandar menceburkan diri mereka dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Maka dengan adanya pindaan-pindaan yang dikemukakan di Dewan ini adalah diharapkan bidang kegiatan koperasi dapat diluaskan meliputi perniagaan, perdagangan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong pindaan Akta ini saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan Fasal 6 Seksyen 5 (a) yang mensyaratkan penubuhan Koperasi yang baru ini sekurang-kurangnya mestilah diahlikan oleh 100 orang tidak 10 orang sebagaimana yang lalu. Saya menyokong pindaan ini tetapi dalam melaksanakan Akta yang baru ini, saya harap Menteri yang berkenaan tidak akan mengganggu-gugat mana-mana syarikat kerjasama atau koperasi yang ahlinya kurang daripada 100 orang yang sudah berjalan dengan baik dan menunjukkan kemajuan-kemajuan yang pesat. Pelaksanaan undang-undang ini hendaklah digunakan kepada koperasi-koperasi yang baru hendak ditubuhkan dan sambil itu bolehlah Menteri yang berkenaan menasihati atau menggesa mana-mana syarikat koperasi yang sudah wujud yang kurang ahlinya dari 100 orang ini supaya mencari jalan berikhtiar menambahkan ahlinya dari semasa ke semasa supaya mencapai angka yang dikehendaki oleh Akta ini.

Fasal 10 iaitu memberi kuasa kepada Pendaftaran Besar untuk memanggil Mesyuarat Agong. Ini juga satu pindaan yang sangat baik. Selama ini didapati ada koperasi-koperasi yang agak maju tidak mengadakan Mesyuarat Agong lebih daripada setahun. Ada yang tiga empat tahun tidak pernah mengadakan Mesyuarat Agong. Sebab-sebabnya barangkali Pegawai-pegawai Kerajaan sangat maklum dalam hal ini, kerana

kalau-kalau kewangannya tidak dapat ditunjukkan, tidak dapat diterangkan cara-cara penggunaan wangnya keluar-masuk, disebabkan tidak dapat ditunjukkan dengan betul maka inilah salah satu sebab yang ada syarikat-syarikat kerjasama tidak dapat mengadakan Mesyuarat Agung.

Dengan adanya pindaan Akta ini dengan diberi kuasa kepada Pendaftar Besar membolehkan beliau memanggil Mesyuarat Agung pada bila-bila masa dan menggesa ahli-ahli jawatankuasanya menunjukkan ataupun membuktikan keadaan perjalanan koperatifnya selama ini dan dengan ini dapat kita membantu ahli-ahli ataupun melindungi modal-modal ahli yang telah dikumpulkan dalam koperatif tersebut.

Seksyen baru 10B, adalah memberi kuasa kepada Pendaftar Besar mencantumkan syarikat-syarikat kerjasama atau koperatif. Ini adalah sesuai dengan dasar baru yang telah dirancang oleh Menteri yang berkenaan. Dalam hal ini saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan bahawa dalam satu seminar yang telah diadakan oleh ANGKASA bertempat di Universiti Malaya dua tiga minggu yang lalu, rumusan yang telah dibuat oleh peserta-peserta seminar itu hampir 95% dari peserta-pesertanya tidak bersetuju bahawa koperatif-koperatif yang ada sekarang ini dibubarkan dan dicantumkan menjadi satu sahaja koperatif bagi satu-satu daerah. Ahli-ahli semiar itu bukanlah membangkang atau tidak bersetuju dengan niat baik Menteri yang berkenaan untuk mencantumkan koperatif-koperatif yang kecil itu, tetapi apa yang mereka bimbangkan ialah apabila hendak dicantumkan koperatif-koperatif yang berbagai fungsi, yang mempunyai fungsi yang berlainan ke dalam sebuah sahaja koperatif bagi satu daerah itu, pada pendapat mereka tidak praktikal.

Lagi pun apabila koperatif itu sudah dicantumkan, koperatif yang berbagai fungsi itu telah dicantumkan diberikan pula pengurusannya kepada pegawai-pegawai Kerjasama. Adakah Menteri yang berkenaan berpendapat bahawa pegawai-pegawai kerjasama itu mampu atau mempunyai kebolehan menguruskan perjalanan koperatif yang berbagai fungsi itu. Inilah yang sangat diragukan oleh ahli-ahli seminar pada hari itu. Mereka berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, sebelum proses mencantumkan itu dilaksanakan, koperatif-koperatif ini patutlah digabungkan

sahaja. Gabungan ini bolehlah dibuat seumpama kita meminta tiap-tiap syarikat kerjasama atau koperatif yang berjalan sekarang ini memberikan sumbangan modal kepada koperatif yang dicadangkan oleh pihak Menteri. Apabila koperatif-koperatif daerah yang baru yang disumbangkan modalnya oleh koperatif-koperatif yang ada sekarang ini sudah maju, maka pada masa itu bolehlah kita cadangkan supaya semua koperatif-koperatif yang kecil itu dibubarkan sahaja, dicantumkan menjadi besar, tetapi sebelum koperatif yang dicadangkan itu menunjukkan kemajuannya, maka eloklah digabungkan segala usaha, tenaga, dan kewangannya sahaja, tetapi tidak dibubarkan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang sangat dibimbangkan oleh ahli-ahli koperatif tentang percantuman syarikat-syarikat kepada satu koperatif di satu daerah ialah tentang pegawai-pegawai Kerajaan yang biasanya mereka itu bertugas mengikut masa iaitu waktu pejabat, masuk pukul 8.00 pagi, balik pukul 4.00 petang. Dalam usaha kita hendak memajukan koperatif-koperatif ini dan kita harap supaya koperatif ini melibatkan diri dalam perdagangan dan perusahaan, kalau ada sikap bekerja mengikut jam pejabat, maka tidak ada kemungkinan syarikat-syarikat atau koperatif-koperatif itu akan mendapat kemajuan. Kalau kita perhatikan dan tengok syarikat-syarikat lain yang bukan koperatif yang maju, pegawai-pegawainya atau pengurus-pengurusnya bekerja tidak mengira jam. Kalau ada peluang waktu malam pukul 10.00-11.00 malam dia masih bertugas. Kalau mengikut jam pejabat sahaja maka peluang-peluang yang keemasan ini tidaklah datang pada waktu pejabat sahaja, tetapi dia akan datang pada bila-bila masa. Inilah salah satu lagi perkara yang diragukan oleh ahli-ahli koperatif.

Fasal 17, Seksyen 33 (g) iaitu memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat koperatif ini membeli tanah, harta dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku syarikat-syarikat koperatif itu mendapat peluang untuk membeli tanah yang difikirkan harganya akan naik berlipat-ganda pada masa yang akan datang. Tetapi yang membantutkan segala rancangan ahli-ahli jawatankuasa koperatif berkenaan ialah kelulusan lambat diterima. Dalam masaalah

perniagaan ini tidak boleh diputuskan dalam masa tiga-empat bulan, tetapi mesti diputuskan dalam masa satu atau dua jam. Pihak Jawatankuasa berkenaan setelah mendapat tahu peluang-peluang yang baik, mereka telah menulis surat kepada pegawai koperatif yang berkenaan meminta diluluskan cadangan mereka hendak membeli sekeping tanah atau sebuah bangunan di suatu tempat. Jawapan kepada permohonan mereka itu, setelah dua bulan baru tiba, pada masa itu tanah atau bangunan tersebut sudah terlepas ke tangan orang lain. Inilah salah satu faktor yang menyebabkan syarikat-syarikat kerjasama itu tak dapat mencapai kemajuan dan tak dapat memiliki harta yang difikirkan akan mendatangkan keuntungan besar pada masa hadapan. Jadi saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan supaya perkara ini tidaklah perlu dibuat permohonannya melalui surat, tetapi melalui talipon dan bila pegawai yang berkenaan mendapat permohonan melalui talipon daripada sesebuah jawatankuasa koperatif, maka dengan serta-merta patutlah pegawai berkenaan itu kalau boleh terbang ataupun menggunakan kenderaan yang cepat berjumpa dengan ahli-ahli jawatankuasa itu supaya peluang keemasan itu tidak terlepas ke tangan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyarankan di sini cara-cara untuk menarik minat lebih ramai rakyat menyertai koperatif atau syarikat kerjasama itu. Selama ini kita hanya menggunakan rayuan, gesaan, meminta orang ramai menyertakan diri mereka dalam koperatif. Saya fikir cara ini tidak praktikal. Apa yang patut kita buat sekarang ini ialah cara-cara untuk menarik lebih ramai orang menyertai koperatif ini ialah dengan memberi peluang-peluang kepada badan-badan koperatif ini.

Pertama, saranan saya ialah menaikkan kadar dividen kepada 10% hingga 15%. Ini perkara yang pokok sekali. Kalau kita tinjau pendapat orang ramai, orang yang mampu menyertai syarikat kerjasama ini, "mengapa awak tidak menyertai syarikat kerjasama?" Jawapannya, "dividen yang kita dapat hanya 6%, kalau 6% dividen yang kita dapat setahun, tak guna masuk syarikat kerjasama, lebih baik kita simpan sahaja dalam Pejabat Pos atau di dalam bank. Kalau kita simpan melalui fixed deposit, kita boleh dapat 7%-10½%. Apa guna kita masuk koperatif, dividen hanya 6%, membuang masa dan membuang tenaga sahaja." Maka dengan

sebab itu saya cadangkan supaya kadar dividen ini dinaikkan dari 10%-15%. Ini salah satu cara menarik lebih ramai orang supaya melibatkan diri mereka dalam syarikat kerjasama.

Kedua ialah memberi peluang perniagaan iaitu permit-permit teksi, permit lori, permit mini-bas hendaklah disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan koperatif yang mempunyai banyak ahli. Kalau selama ini orang perseorangan atau tiga-empat orang yang sudah mempunyai harta mendapat permit-permit itu, ini tidak memberi peransang, tidak mendorong orang ramai memasuki koperatif. Kalau peluang-peluang ini Kerajaan salurkan kepada badan-badan koperatif saya yakin dan mempunyai kepercayaan penuh bahawa koperatif akan mendapat ahli yang lebih ramai.

Ketiga ialah memperuntukkan sebahagian besar saham-saham dari syarikat-syarikat yang maju kepada koperatif-koperatif. Apabila syarikat yang maju ini hendak menambahkan sahamnya maka sebahagian saham itu hendaklah diuntukkan kepada koperatif-koperatif yang sedia ada.

Keempat ialah saya harap Menteri yang berkenaan dapat menggabungkan syarikat-syarikat koperatif yang mempunyai fungsi yang sama yang selama ini telah ada di tiap-tiap negeri. Contohnya ialah Syarikat Koperatif Guru-guru. Boleh dikatakan tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia ini mempunyai syarikat gurunya masing-masing dan wang yang dikumpul daripada ahli-ahli itu hanya disimpan di dalam bank dan tidak digunakan untuk melabur dalam perusahaan dan perindustrian. Sebab ahli-ahli ini bimbang Jawatankuasanya tidak melaburkan wang mereka ini dalam perindustrian dan perusahaan, mereka bimbang tentang kejayaan sebuah syarikat itu. Jadi kalau kita menggabungkan segala modalnya itu dapat pihak Kerajaan dengan pertolongan pihak Menteri yang berkenaan memberi peluang, misalnya, Syarikat Kerjasama Polis yang hanya mempunyai sebuah sahaja syarikat koperatifnya dalam Semenanjung ini dapat mendirikan sebuah bangunan yang besar di Bandaraya ini. Jadi, saya fikir untuk menguatkan lagi Syarikat-syarikat Koperatif Guru ini pihak Menteri yang berkenaan hendaklah mengambil daya-utama supaya menggabungkan syarikat-syarikat ini supaya dengan itu

segala peluang-peluang pelaburan modal ini dapat kita beri kepada koperatif yang berkenaan.

5.02 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Syarikat Koperatif yang dibentangkan di hadapan Dewan ini adalah membawa kemajuan syarikat kerjasama ini mundur ke belakang. Mungkin tujuan Undang-undang ini dibuat hanya untuk menguatkan lagi kedudukan koperasi-koperasi yang telah pun kemas. Saya ingin bercakap pendek sahaja.

Saya bersetuju dengan pendapat ataupun pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor memberi kuasa dan menjadikan Pegawai Daerah sebagai Pengerusi dalam percantuman syarikat-syarikat kerjasama dalam daerah itu adalah menambahkan beban kepada beliau yang pada hari ini telah pun mempunyai tanggungjawab yang besar dan banyak—don't bully these officers. Beliau juga menjadi Pengerusi Majlis Bandaran; beliau juga menjadi Pengerusi Majlis Tindakan; beliau juga menjadi Mandur di dalam pembangunan; beliau juga menjadi Pengerusi Majlis Keselamatan Daerah; beliau juga menjadi Pengerusi Pelesenan Daerah dan entah berapa banyak lagi tugas-tugas dibuat siang dan malam. Saya tidak nampak satu kemajuan akan didapati dalam sistem baru ini kerana semua koperasi yang bermacam-macam corak dan aliran ini tidak boleh disatukan. Kalau pun pihak Kerajaan ingin hendak memodenisasikan gerakan syarikat kerjasama di desa-desa dan kampung supaya berjalan dengan lancar dan memberi kesan untuk meninggikan taraf hidup rakyat maka satu cara tadbir yang kemas patut dibuat atau melatihkan pentadbir-pentadbir syarikat-syarikat kerjasama kampung ini. Keadaan yang berlaku pada hari ini untuk membuat perubahan yang besar dalam gerakan koperasi itu adalah berlawanan sama sekali dengan konsep koperasi yang sebenar-benarnya.

Saya cuma hendak menyatakan dalam Dewan ini bahawa segala rupa gambaran yang dibuat dalam Akta ini hanya elok dan cantik dalam teori sahaja tetapi tidak dapat dipraktikkan untuk masa yang lama. Saya yakin bahawa cara-cara dan sistem

yang berjalan sejak lama dahulu di dalam membawa kemajuan gerakan koperasi ini dapat dipereleakkan lagi dengan tidak payah dibuat sesuatu perubahan yang besar sebagaimana dalam Undang-undang baru ini. Satu kajian yang mendalam patut dibuat oleh pakar-pakar koperasi untuk memesatkan gerakan koperasi sebelum sesuatu perubahan dibuat oleh Kerajaan supaya selaras dengan kemahuan gerakan ekonomi baru. Saya katakan lagi sekali pada akhirnya Undang-undang ini dibuat dalam keadaan yang tergesa-gesa dan tidak mendalam.

5.05 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda peruntukan tertentu dalam Ordinan Syarikat Koperatif, 1948 dan untuk memperluaskan kuatkuasa Ordinan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar hujah-hujah yang telah dikeluarkan oleh beberapa orang Wakil-wakil Rakyat di dalam Dewan ini. Saya lebih tertarik kepada perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Perkara-perkara yang berlaku bolehlah kita anggap seperti yang diterangkan dalam bahasa Inggeris: Tragedies of transitional period after the excitement of independence. Bolehlah dianggapi

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Boleh diterjemahkan ke Bahasa Malaysia?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Iaitu trajidi-trajidi yang berlaku dalam masa peralihan setelah seronoknya mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya oleh sebab pihak Kerajaan telah sedar berlakunya trajidi-trajidi ini tadi maka sebab itulah pada hari ini satu Rang Undang-undang dibentangkan untuk pindaan di dalam Dewan yang mulia ini dengan tujuan supaya dapat kita menarik perhatian orang ramai. Pihak Kerajaan saya percaya yang terdiri daripada ahli-ahli bijak pandai cuma dapat mengadakan undang-undang dengan tujuan yang baik tetapi yang lebih penting dalam perkara-perkara untuk menjayakan pelaksanaan Undang-undang Pindaan ini

ialah peranan masyarakat, semangat orang-ramai yang sangat perlu. Saya harap setelah hampir 20 tahun kita merdeka sudah lupa-lah excitement itu eloklah kita menghadapi perkara reality, tanggungjawab kita bersama untuk melaksana dan menjayakan tujuan dan hasrat baik Kerajaan menerusi pindaan Undang-undang Syarikat Koperasi yang kita bincangkan pada hari ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan berhubung dengan undang-undang Syarikat Koperasi, 1948. Berbagai-bagai perkara telah disebutkan short coming dan kesulitan-kesulitan dan berbagai-bagai angkara penganiayaan telah berlaku di kalangan ahli-ahli koperasi itu dengan kuasa yang kecil, yang terhad, walhal di dalam pindaan yang dibentangkan pada hari ini kuasa berleluasa sedang berjalan, terutama sekali Fasal 17 yang mana memberi kebenaran pelaburan di dalam undang-undang yang baru. Dahulu tidak ada ini, tidak ada kuasa pelaburan cuma kuasa pinjam-meminjam telah menimbulkan berbagai-bagai perkara yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli di dalam Dewan ini. Di sinilah saya minta kepada pihak Kementerian, pegawai-pegawai menjaga masalah pengawasan supaya jangan dengan adanya pindaan ini yang buaya menjadi naga, segala cicak-cicak kering pun hendak menjadi buaya, ini yang hendak dijaga.

Selama ini sebarang apa sahaja yang dibentang oleh pihak Kerajaan daripada segi teori seperti saudara saya yang bercakap tadi adalah elok. Apa yang timbul masalah ialah perlaksanaan (enforcement) yang mana orang ramai selalu terkorban.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta sangat kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah diteliti dengan sedalam-dalamnya supaya dalam melaksanakan tujuan yang baik ini kita takut akan menikam kita balik seperti dalam Fasal 10 mengenai kedudukan Pendaftaran Besar yang mempunyai kuasa mutlak, kuasa pemutus untuk sesuatu perkara yang timbul atau berbangkit. Di sinilah saya takut Pendaftaran Besar ini kalau kita tersalah pilih terdiri daripada orang-orang yang kita harap-harapkan boleh mengecewakan hasrat orang ramai. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan yang bertanggung-

jawab memikirkan sedalam-dalamnya, kerana tujuan pindaan koperasi ini ialah untuk memperluaskan bidang penanaman modal dengan tujuan supaya koperasi ini boleh menarik lebih ramai lagi penyertaan orang ramai. Tetapi di dalam apa sahaja bidang pelaburan, perniagaan dan perusahaan berkehendakkan kepercayaan orang ramai.

Pada hari ini yang boleh timbul berbagai masalah yang boleh tergendala dan teragalnya sesuatu projek Kerajaan itu bukan kerana apa-apa, kerana kita melaong-laungkan tidak mendapat sambutan orang ramai. Kerana orang ramai yang boleh jadi tidak mempunyai kepercayaan, sebab telah ada bukti-buktinya beberapa ramai ahli yang tidak bersalah yang telah teraniaya yang mereka menanam modal, menjadi ahli menyimpan wang dalam badan-badan ini tidak ada buktinya dan tidak dapat kemudahan dan timbul pula diskriminasi untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah. Inilah yang menimbulkan masalah dari segi polisi tujuan baik Rang Undang-undang Pindaan Syarikat Koperasi yang kita bentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya badan-badan koperasi ini ditubuhkan dan dianggotai dalam jawatankuasa seperti yang telah diterangkan oleh sahabat saya dari Jerlun-Langkawi tadi iaitu terdiri daripada orang-orang yang menjalankan atau menduduki sebagai Jawatankuasa untuk sukarela dengan niat yang baik, dengan tujuan yang ikhlas mereka menjalankan usaha-usaha itu. Saya berharap di dalam pindaan yang baru badan-badan koperasi ini, saya minta pihak Kementerian memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada ahli-ahli iaitu kalau berkehendakan keuntungan dalam perusahaan dan perniagaan hendak menanam modal sedikit dan modal ini hendaklah ditanam bukan dengan membeli harta-benda, hendaklah ditanamkan kepada badan-badan manusia yang boleh kita harapkan, maknanya hendaklah kita employ professional supaya boleh memberi panduan, pengajaran yang baik. Janganlah dibiarkan sahaja lembaga-lembaga koperasi itu berjalan begitu sahaja dan cuma pegawai-pegawai Kementerian menghantar surat setahun sekali atau dua tahun sekali ataupun bila dipanggil oleh pihak koperasi. Elok diadakan satu syarat dengan modal sebanyak ini, ini contoh pengurusan yang patut dijalankan dan diberi pula pinjaman-pinjaman pegawai.

Dalam perniagaan, dalam pelaburan bukannya wang yang banyak dikehendaki. Yang Penting ialah kemahiran dan kejujuran, keupayaan dan kebolehan seorang yang bertanggungjawab seperti Pengurus Besar itu menjalankan tugas, bukan beberapa banyak modal yang dikehendaki untuk dilaburkan. Sebab itulah dalam perkara ini berkehendakkan jawatan-jawatan yang penting itu hendaklah dipegang oleh orang-orang yang betul-betul amanah, yang betul-betul sedar dan insaf atas kehendak-kehendak orang ramai pada hari ini demi untuk masa hadapan bukan untuk kita sahaja dan yang lebih penting untuk anak-anak cucu kita yang pada hari ini mereka masih kecil, mereka tidak tahu apa benda. Mereka mengharapkan apa yang kita buat semuanya betul, sebab merekalah yang akan mewarisi segala apa yang telah kita lakukan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengawasan yang saya terangkan tadi amatlah penting, kerana sebelumnya pindaan ini anggota sesuatu badan koperatif ini kecil, sekarang ini telah bertambah daripada 10 menjadi 100. Tujuan pihak yang meminda ini baik, kerana bertujuan kalau satu-satu tempat itu berkumpul senang hendak mengawasinya, tetapi saya minta kepada pihak Kementerian mengkaji sebaliknya pula seperti kata pepatah: "Banyak udang, banyak garam; banyak orang banyak pula ragamnya". Ini yang hendak dikaji. Dan kalau benda itu kecil, sedikit pula modalnya. Kalau sudah banyak, besar modalnya. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, satu-satu badan yang kaitan dengan kewangan, kalau belum lagi mengeluarkan keuntungan, satu orang pun tidak peduli; bila sudah timbul, bila sudah ada keuntungan, mulalah struggle for power—merebut kuasa mulalah menjelajah atau cuba menguasai sesuatu badan itu. Di sinilah kalau undang-undang tidak ketat punca-punca yang boleh meruntuhkan badan-badan seperti itu. Rebut kuasa di sinilah yang boleh menimbulkan frustration di kalangan ahli-ahli dan di sinilah mula kempen-mengempen, fitnah-memfitnah akan berlaku. Kerana saya tengok dalam undang-undang koperatif ini cara pemilihannya tidak ada kuasa seperti dalam perniagaan iaitu tiap-tiap ahli berhak satu undi.

Kita telah tengok contoh yang berlaku di beberapa tempat dalam satu badan koperatif yang telah maju bagaimana mereka meng-

impot ahli-ahli waktu mesyuarat agong dengan bas daripada luar-luar bandar, dibayar dan ditanggung oleh seorang atau kumpulan yang tertentu supaya dalam pemilihan mesyuarat agong, mereka akan naik semula. perkara ini berlaku. Dan di sinilah timbulnya tekanan ataupun pemerintahan pentadbiran kuku besi seperti yang diterangkan oleh saudara saya dari Sungai Siput. Masalah kuku besi ini jugalah yang berlaku, di sini timbulah suap-menyuap, rasuah dan sebagainya. Kita telah dengar dan ada bukti tentang perkara ini. Apa yang saya terangkan ini ada buktinya seperti yang berlaku baharu-baharu ini ada di antara ahli jawatankuasanya, sehingga BSN masuk campur dan dapat ditangkap dan dijail. Begitu juga beberapa buah badan koperatif. Jadi, kalau perkara ini tidak dapat dikawal akan terus berkembang biak, di mana harapan orang-orang luar bandar, orang kampung, orang miskin hendak bergantung. Apa akan jadi tujuan baik Kerajaan menubuhkan koperatif ini, dan di mana masa hadapan orang kita. Saya berharap sangatlah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dengan adanya pindaan yang baharu ini badan koperatif ini betul-betul dapat membuat rancangan yang teratur dan tersusun dan tidak bercanggah antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain, tidak bercanggah antara satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan dengan badan koperatif, sebab yang akan terkorban bukannya pegawai-pegawai Kementerian, bukannya pegawai-pegawai yang makan gaji dengan koperatif, tetapi negara kita sendiri akan terkorban. Pada hari ini kita bersyukur kepada orang ramai yang masih mempunyai penuh kepercayaan kepada Kerajaan; apa sahaja kita jalankan, apa sahaja yang kita adakan mendapat sambutan, tetapi sekiranya perkara-perkara ini tidak dijalankan dengan betul akan meruntuhkan kepercayaan rakyat dan apa akan jadi kepada kita semua.

Dalam perkara inilah saya minta sangat kepada Kementerian, dalam pindaan penubuhan syarikat koperatif ini, saya minta hendaklah diadakan jawatankuasa perhubungan (liaison) sangat mustahak, sebab koperatif yang hendak dibina ini banyak kaitannya dalam masalah perniagaan, pelaburan, penanaman modal, pembinaan, pembangunan perumahan dan sebagainya. Dan di dalam sesuatu perusahaan yang ada

banyak kaitan dalam pembangunan berkehendakkan badan perhubungan yang tertentu yang mempunyai tujuan-tujuan yang waras supaya dapat sesuatu pelancaran diadakan oleh badan koperatif ini. Misalnya, kalau kita hendak mengadakan kawasan perumahan, banyak hubungannya dengan Pejabat Daerah banyak hubungan dengan perancang negeri, Exco dan cara-cara untuk membina rumah, bagaimana hendak berhubung dengan pihak Pendaftar dan Kementerian Perumahan, bagaimana hendak mendapatkan lesen. Jadi, saya berharap kalau ada satu pusat perhubungan ini, bukan sahaja berbentuk nasihat, selama ini saya tenguk apa-apa yang ditubuhkan semuanya berbentuk nasihat, tetapi ini berbentuk perlaksanaan.

Satu perkara lagi, kalau badan ini berjalan dengan sempurna terutama sekali kepada Fasal 17—Pelaburan dan sebagainya, joint venture—pemodal-pemodal menubuhkan kilang, maka kita banyak boleh mengadakan pekerjaan kepada pemuda-pemudi. Di dalam perkara ini Kementerian yang berkenaan atau badan koperatif ini boleh berunding dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Belia dan Sukan pula boleh menyediakan kelas-kelas bimbingan yang sesuai yang boleh disalurkan untuk faedah badan koperatif setelah selesai atau tamat, di Kementerian Belia dan Sukan. Perkara ini kadang-kadang kita tenguk berceramok. Kementerian ini buat ini, Kementerian ini buat ini semuanya serupa, lama-lama dia bertelagah dia sama dia tidak mengerti mana hendak pergi. Saya percaya dengan adanya pindaan ini berbagai-bagai perkara boleh disusun. Saya minta sangat kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk melancarkan dan melaksanakan perkara pindaan ini janganlah tergesa-gesa. Kajilah lebih mendalam, kerana kadang-kadang satu-satu perkara yang hendak dibuat tergesa-gesa itu kalau kita kurang pakar yang mahir, bukan sahaja projek-projek itu akan tergendala, bahkan kita takut ada hamba-hamba Allah yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan yang boleh merosakkan dan meruntuhkan projek-projek ataupun rancangan-rancangan yang hendak diadakan oleh badan koperatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan setelah Undang-undang ini diterima dengan pindaan, saya percaya pihak Kementerian telahpun tahu masalah pindaan

ini dan pegawai-pegawai Kerajaan telahpun membuat persediaan bagi menyambut pindaan ini. Saya minta juga pegawai-pegawainya telah sedia ada untuk meimplimentasikan. Saya juga tertarik hati kepada ucapan sahabat saya dari Kuala Selangor tentang masaa-lah perlantikan Pegawai Daerah akan menjadi Pengerusi Lembaga. Kita faham tujuan Kerajaan kenapa menggunakan jawatan Pegawai Daerah ini jawatannya sudah terlampau teruk sangat, semuanya kepada Pegawai Daerah, dia bukan malaikat, dia manusia biasa.

Jadi kalau sudah dibebankan yang bukan-bukan, benda itu tidak boleh berjaya dia juga menjadi scapegoat. Lama-lama esok, seorang pun tidak lagi mahu menjadi Pegawai Daerah. Ini hendaklah difikirkan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikaji dengan mendalam mengikut pindaan ini, syarikat-syarikat koperatif yang baharu ini, lebih menitek-beratkan cara-cara banyak kepada menjalankan perusahaan dan perniagaan selain daripada cara-cara kita hendak mengumpulkan wang. Kalau ini berjalan dengan baik akan medapat sambutan, perkara ini akan bertambah besar. Jadi kita minta difikirkanlah habis-habis mengenai pemilihan-pemilihan ahli-ahli Lembaga iaitu hendaklah dipilih mengikut minat-minat orang-orang itu dan orang-orang itu dipilih duduk di dalam Lembaga bukan kerana popularitinya dengan pihak-pihak yang berkenaan tetapi hendaklah dipilih melalui dedikasinya kepada pelancaran penubuhannya itu.

5.52 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja dalam hal ini. Pertama sekali, saya nampak pindaan undang-undang koperatif ini tujuannya ialah tujuan yang baik untuk menyusun semula syarikat-syarikat kerjasama atau koperatif yang ada di seluruh negara ini. Sebagaimana yang telah kita dengar tadi, banyak kenyataan-kenyataan yang menerangkan tentang kegagalan-kegagalan syarikat kerjasama ini dimasa yang lalu. Saya pun bersetuju dengan pendapat demikian.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan-kebanyakan kegagalan ini bolehlah dikatakan terletak kepada syarikat-syarikat kerjasama atau koperatif yang ada di luar bandar khususnya yang dikendalikan oleh bumiputra. Ini

saya rasa, pertama kegagalan dari ahli-ahli syarikat itu sendiri. Kedua, kegagalan daripada pegawai-pegawai yang mengendalikan ataupun menyeliaikan syarikat-syarikat itu. Saya rasa pindaan ini tujuannya untuk memperbaiki hal yang tersebut. Tetapi jika difikirkan sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan sebagainya, kadang-kadang boleh jadi mungkin lebih meruncingkan sebab bebanan diserahkan kepada Pegawai Daerah. Walau bagaimanapun, hal ini boleh dilaksanakan dengan adanya kerjasama yang baik dan dengan semangat yang jujur.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hal yang tersebut, kegagalan bagi syarikat-syarikat yang berkenaan ini disebabkan negara kita ini negara demokrasi, negara yang mengamalkan perniagaan dan perdagangan bebas di mana kadang-kadang syarikat-syarikat kerjasama ini dimasuki oleh anasir-anasir yang bukan untuk memimpin rakyat di tempat itu atau memimpin ahli-ahlinya, tetapi mencari peluang untuk menonjolkan diri dengan sesuatu tujuan bagi dirinya sendiri. Hal ini harus diawasi oleh pihak pegawai yang berkenaan khasnya Pegawai Syarikat Kerjasama, kerana kadang-kadang pegawai-pegawai itu sendiri boleh dipengaruhi oleh orang-orang yang saya katakan tadi. Kadang-kadang pegawai yang berkenaan itu sendiri membuat keputusan mengikut syor yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin syarikat kerjasama yang bertujuan bukan untuk menolong ahli-ahlinya tetapi dengan tujuan sebaliknya. Saya rasa hal ini harus diawasi benar-benar kerana contoh-contohnya banyak dan contoh-contoh ini, saya rasa boleh menjadi pengajaran kepada kita pada masa yang akan datang. Di tempat saya ada satu syarikat yang dinamakan Syarikat Kerjasama di Bukit Besi yang sudah dibubarkan dan hartanya dijual dengan harga yang murah dan menjadi tandatanya kepada ahli-ahli bagaimana harta tersebut dijual dengan harga yang murah. Ahli-ahli sendiri pun tidak tahu dengan jelas hal-hal tersebut. Satu bukit yang dinamakan Bukit Besar di Kuala Trengganu yang dibeli oleh syarikat-syarikat tetapi dijual dengan harga yang murah manakala ahli-ahlinya pula tidak tahu. Ini satu masaalah yang harus difikirkan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan dalam mengendalikan syarikat-syarikat seperti ini.

Saya mengakui bahawa setengah-setengah syarikat itu pentadbirannya memang kurang baik. Ini kita akui dan kalau pentadbirannya kurang baik boleh dibaiki dengan diberi latihan ataupun tunjuk-ajar. Tetapi kalau kurang kejujuran, ini saya rasa paling sulit sekali.

Saya ingin menyebut di sini tentang pelaburan yang mungkin akan dijalankan oleh syarikat-syarikat koperatif pada masa akan datang sebagaimana peruntukan dalam Seksyen 17 dan 18. Saya minta supaya diperhatikan, pelaburan yang akan dibuat oleh syarikat-syarikat ini biar benar-benar di tempat yang menguntungkan. Jangan di tempat yang kurang menguntungkan atau merugikan, sebab macam-macam boleh jadi. Kadang-kadang syarikat-syarikat koperatif akan menanam modal dalam satu-satu syarikat yang akan dikendalikan oleh orang-orang tertentu yang bertujuan untuk mendapatkan wang untuk digunakan bagi pusingan perniagaan yang lain dan syarikat itu akan mati kemudiannya. Ini satu cara perniagaan yang saya rasa selok-belok perniagaannya orang-orang yang berniaga tahu keadaannya.

Saya juga inginkan agar pegawai-pegawai syarikat kerjasama hendaklah dilatih agar mereka mengetahui keadaan selok-belok perniagaan supaya mereka tidak dipusing oleh pegawai-pegawai syarikat-syarikat yang berkenaan ataupun jawatan-jawatankuasa syarikat-syarikat yang berkenaan yang bertujuan tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan, ada setengah-setengah syarikat-syarikat kerjasama yang lari daripada tujuannya. Sebagai contoh, misalnya satu syarikat nelayan yang bertujuan untuk menghapuskan orang tengah. Tetapi apabila satu syarikat nelayan membuat satu perkara, maka diberi kepada orang tengah sebagai ejennya, untuk dijual pula kepada kaum nelayan. Kebanyakan kaum nelayan tetap membeli barang itu dengan harga yang mahal. Ini menjadi sungutan kepada kaum nelayan di mana perkara ini berlaku disebelah Pantai Timur khasnya di Trengganu sendiri. Saya rasa keputusan ini adalah hasil dengan nasihat dan tunjuk-ajar dari Pegawai-pegawai Syarikat Kerjasama kita sendiri, sebab itulah saya menyatakan bahawa pegawai syarikat mesti mengetahui keadaan, dan jika tidak niat Kerajaan akan gagal. Dan perasaan orang yang terlibat sangatlah dukacita, dan

akan marah kepada Kerajaan pula di mana pegawai Kerajaan ada terlibat dengan syarikat yang berkenaan sebagai penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang berlaku dan saya harap pada masa akan datang tidak akan berlaku lagi. Sungguhpun begitu saya ingin mengingatkan juga agar hal-hal yang disebutkan oleh Ahli-ahli Dewan ini hendaklah diambil perhatian bukan habis di Dewan yang mulia sahaja kerana sudah lama kita gagal, setengahnya kata sudah setengah abad, setengah pula kata sudah beberapa puluh tahun. Jadi, pada masa akan datang saya harap supaya kita tidak akan gagal lagi dan isya Allah kita akan berjaya dalam mengendalikan syarikat kerjasama ini.

5.40 pgt.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut pindaan ke atas peraturan koperasi ini dengan doa yang sungguh panjang, doa semoga perubahan struktur yang akan berlaku ini akan membawa perubahan semangat, doa semoga perubahan struktur yang akan dibawa ini akan membawa perubahan sikap, semoga dengan adanya pindaan ini kita akan melihat keikhlasan yang sungguh-sungguh dari semua pihak untuk menunaikan segala janji-janji untuk menjayakan organisasi koperasi.

Saya berdoa lagi semoga dengan adanya pindaan ini, maka kita tidak akan terbelengkalai dengan kekurangan-kekurangan yang banyak, baik dari segi peluang, dari segi modal dan dari segi pentadbiran. Dan kita berdoa sekali lagi semoga dengan adanya pindaan ini maka kita juga sanggup membuat pindaan-pindaan di masa yang akan datang sekiranya kita dapati pindaan yang kita buat pada masa ini tidak sesuai setelah dilaksanakan untuk beberapa waktu yang akan datang. Kenapakah maka saya berdoa panjang, kerana saya merasa dengan kembalinya focus ataupun pandangan kita kepada koperatif (koperasi), bererti kita sudah berhadapan dengan reality atau kenyataan, kerana saya yakin dan percaya bagi kalangan Melayu ataupun kalangan bumiputra yang kebanyakannya tidak mempunyai modal agak ganjil kalau kita bicarakan ekonomi dengan cara yang lain daripada cara koperasi. Malah dari kenyataan-kenyataan yang kita lihat hampir semua usaha-usaha yang besar-besar yang ada di negara ini yang dipunyai oleh Melayu hampir semuanya secara kopera-

tif, walaupun berbentuk lain-lain samada ianya berbentuk Lembaga Tabung Haji ataupun berbentuk Lembaga Tabung Angkatan Tentera ataupun berbentuk Bank Kerjasama ataupun berbentuk apa sahaja. Kalau yang kebanyakan daripada saham-sahamnya dipunyai oleh Melayu, maka ianya adalah berbentuk koperasi. Oleh itu, perhatian kita kepada koperasi sekarang ini memang perhatian yang sewajarnya. Tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi sambutan saya terhadap pindaan ini penuh dengan doa-doa kepada Allah Subhanahu wa taala semoga segala penyakit-penyakit yang telah kita hadapi di masa yang telah lalu akan berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, mengkaji kemajuan bumiputra dalam bidang ekonomi, saya rasa tentu jelas bagi semua bahawa bagi kita yang tidak mempunyai modal dan sentiasa berbicara mengenai modal kita akan menghadapi masalah mengumpul modal. Apakah kita dapat mengumpul modal dengan simpanan persendirian, apakah kita mengumpul modal dari keuntungan yang terkumpul atau kita mengumpul modal dengan pinjaman. Dari analisa ringkas yang telah saya buat saya dapati sedikit bumiputra, baik di dalam atau di luar bandar yang menyimpan wang yang cukup untuk menjadi bahan berniaga ataupun modal berniaga perseorangan dengan lumayan. Dan kalau kita harapkan daripada keuntungan (profits accrued) yang dipunyai oleh peniaga-peniaga bumiputra, saya rasa keuntungan ini terlalu kecil kalau dibandingkan dengan keuntungan-keuntungan yang dipunyai oleh pedagang-pedagang lain atau pedagang-pedagang yang datang daripada luar negeri.

Kalau kita kaji sumber pinjaman, kita sendiri akan berasa hairan dan berasa keciwa kerana kita lihat pinjaman-pinjaman dari pihak sumber kita bank bahagian yang paling kecil perginya kepada bumiputra. Ini berti approach kepada ekonomi dari sudut modal yang sedang difikir-fikirkan oleh bumiputra pada pandangan saya adalah salah. Kita harus memberikan perhatian yang lebih kepada cara-cara yang sekarang ini berada di hadapan kita secara koperatif (koperasi) di mana secara beramai-ramai kita datang dan menyusun perniagaan dari peringkat kecil sampai ke peringkat besar. Saya mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin kita yang berusaha untuk mendapatkan hak-hak untuk bumiputra samada

secara badan-badan Kerajaan ataupun tidak di dalam kompeni-kompeni yang besar-besar. Tetapi sementara itu saya fikir ekonomi kita belum berkembang ke peringkat yang optimum, dan kita masih boleh mengusahakan supaya perniagaan-perniagaan dan usaha-usaha di desa disusun secara koperasi agar dapat kita gerakan tenaga ramai semoga rakyat menjadi participant dan bukan sebagai observer dan kritik kepada pedagang-pedagang yang berbentuk pedagang dalam organasasi-organasasi pemerintah. Sekarang ini kita lihat banyak sekali badan-badan yang dibentuk dan kita berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah berusaha demikian rupa untuk membentuk badan-badan yang begitu banyak. Tetapi dengan terbentuknya badan yang begitu banyak dan dengan tidak melibatkan rakyat secara menyeluruh, maka sekarang ini rakyat sudah menjadi pemerhati dan Kerajaan pula yang membuat kerja. Apabila sahaja berlaku kesilapan di sana sini. Maka kita lihat rakyat mengkritik Kerajaan, sedangkan sepatutnya rakyat yang menjalankan kerja dan pemerintah menjadi pengkritik dan memimpin mereka apabila mereka menghadapi sesuatu masaalah dan membuat apa-apa kesilapan.

Saya harap pindaan ini yang saya sambut dengan doa yang begitu panjang tidak merupakan satu lagi arah terhadap Kerajaan menjalankan perniagaan dan rakyat menjadi pengkritik semoga 4-5 tahun daripada waktu ini kita tidak datang ke dalam Dewan ini untuk membahas bagaimana, umpamanya, pegawai-pegawai Kerajaan yang mengendalikan koperatif ini perlu diberi itu dan diberi ini, diberi kursus dan sebagainya, diperbetulkan kerana mereka telah menjalankan satu usaha dengan menghadapi berbagai-bagai masaalah dan berbagai kekeliruan telah berlaku. Tetapi saya percaya penggubal undang-undang ini telah memikirkan dengan sedalam-dalamnya dan saya yakin mereka telahpun menggubal dan akan berazam untuk menjalankan peraturan-peraturan baru ini dengan kontrol yang baik semoga kita tidak akan berhadapan dengan masaalah yang sama iaitu masaalah Kerajaan sebagai performer, rakyat sebagai pengkritik. Saya harap Kerajaan akan menjadi pengkritik motivator dan Kerajaan akan jadi pemimpin policeman dan rakyat yang menjalankan tugas. Kalau ada apa-apa kekurangan di kalangan rakyat, maka rakyat itu perlu diberi

bimbingan dan jangan pihak Kerajaan mengambil alih dan Kerajaan menjadi pekerja dan rakyat menjadi pengkritik.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat tadi bahawa semua usaha-usaha Melayu yang besar-besar di negara ini datangnya berbentuk koperatif dan kebanyakannya dari sudut melaburkan modal ke dalam kompeni-kompeni lain yang dijalankan oleh orang lain. Saya tidak tahu bagaimana dengan cara ini bumiputra akan jadi pandai berniaga hanya dengan mengumpul modal bumiputra samada berbentuk koperatif (koperasi) atau tidak secara terus atau tidak dan kita membeli saham dalam kompeni-kompeni yang dikendalikan oleh orang-orang asing dan orang-orang luar negeri/atau orang dalam negeri yang bukan dari kalangan bumiputra, sampai kiamat pun tidak akan ada bumiputra yang akan bijak dalam perniagaan, paling hebat jadi pegawai tertinggi dalam kompeni-kompeni yang diasaskan dan diusahakan oleh orang-orang lain. Saya harap dengan adanya perhatian kepada koperatif, maka kita sudah kembali kepada reality dan kita berdoa semoga focus Kerajaan kepada koperatif ini diberi dengan lebih hebat lagi dan ini harus terbukti dengan allocation-allocation budget, kerana saya percaya cita-cita besar yang tidak diseimbangkan dengan peruntukan yang sama besar tidak akan mempunyai erti sama sekali.

Sebagaimana dahulu kita pernah mengkritik kerana terlalu sedikit peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, hari ini kita berharap semoga peruntukan untuk koperatif ini mencukupi, semoga kalau ada, umpamanya, tercatat di dalam Budget Report peruntukan untuk mana-mana koperatif yang berjuta-juta yang datang cukup atau sampai sebanyak yang ditulis dalam Budget Report. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Budget Report Tahun 1975 di situ tercatat Kerajaan telah meluluskan \$3 juta untuk Syarikat Shamelin.

Untuk maklumat Dewan ini sampai hari ini setelah bertahun kita hanya dapat \$700,000 dan itupun secara guarantee dan itu yang telah digunakan untuk membina infrastructure. Setelah siap infrastructure tidak ada working capital kerana \$3 juta yang tercatat dalam Budget Report itu belum datang. Jadi, sekali lagi saya berdoa kepada Yang Berhormat Menteri, doa yang datangnya dari 20,000 anggota yang susah-susah, doa yang datang dari beribu-ribu

pelajar dan belia yang sudah berhenti daripada berdemonstrasi untuk berniaga, doa yang datang daripada 7,500 petani yang menderita, doa kepada pemerintah semoga apa yang tercatat di dalam Budget Report itu, sebagaimana yang kelihatan pada senyuman Yang Berhormat Menteri jelas dalam masa akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada kepentingankah dalam syarikat itu?

Tuan Sanusi bin Junid: Tidak ada. Syarikat Kerjasama, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berharap dengan adanya Akta ini dan dengan adanya perhatian yang serious kepada koperasi, selain daripada kita adakan perubahan-perubahan structure yang kita ucap selamat dan kita doa semoga success. Kita harap semoga jangan apabila bertukar structure maka dengan sendirinya terbelengkalai koperasi-koperasi yang ada lantaran kita dapati apa-apa kelengkapan yang kita harapkan itu akan mendatang, tetapi ini bukan bererti bahawa tidak akan datang, saya percaya, insya Allah, akan datang kerana sekarang ini sudah kelihatan focus terhadap koperasi dengan lebih serious lagi.

5.50 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Syarikat Koperasi (Pindaan dan Perluasan), 1975.

Tuan Yang di-Pertua, memandang inilah satu-satu jalan untuk memberi peluang kepada bumiputra mengambil bahagian yang lebih aktif dan teratur dengan pindaan-pindaan tersebut, maka bolehlah syarikat-syarikat kecil atau syarikat-syarikat yang kurang maju dapat diperbaiki dan diberikan pertolongan modal yang lebih besar dalam perusahaan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu ada juga syarikat-syarikat yang saya katakan tadi tidak puas hati. Sebab mereka kata kalau dengan syarikat-syarikat kecil mereka dapat peluang, tetapi dengan menggabungkan syarikat-syarikat kecil menjadi satu koperasi yang besar dan mengadakan pegawai-pegawai yang tertentu dan Ahli Jawatankuasa mereka tidak dapat keuntungan, bahkan pegawai-

pegawai atau Ahli-ahli Jawatankuasa itu sahaja yang dapat keuntungan. Dalam perkara ini, pada fikiran saya masih belum cukup penerangan dari pegawai-pegawai koperasi, dan dengan ini saya harap pegawai-pegawai koperasi akan menjelajah ke kampung-kampung dan memberi penerangan-penerangan atau penjelasan-penjelasan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya manakala syarikat-syarikat kecil dijadikan satu koperasi yang besar yang dahulu ahli-ahlinya berkelompok di merata-rata kampung apabila disatukan, pada pendapat saya, koperasi ini akan mempunyai ahli yang lebih banyak dan dengan ini mempunyai suara yang kuat dan lebih kuat tenaga dan lebih pula besar modalnya. Dan dari segi pentadbiran yang teratur maka sudah pasti dapat memajukan syarikat koperasi ini. Itulah yang saya suka mengingatkan iaitu tiap-tiap satu yang dibuat mestilah ada amanah. Kalau ada amanah, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bimbang, kita mestilah ada kepercayaan kepada tiap-tiap pemimpin yang kita pilih baik dalam koperasi ataupun di dalam apa-apa jua bidang. Jadi, apa yang kita takutkan sebagaimana banyak daripada ahli-ahli Dewan yang bercakap tadi tentang cicak hendak menjadi naga, buaya kecil hendak menjadi buaya besar. Pada pendapat saya, kalau kita berpendapat Pegawai-pegawai atau mana-mana jawatankuasa yang menyeleweng itu tidak payah singkirkan mereka. Itu tidak susah bagi pendapat saya. Kita menghadapi masalah untuk memperbaiki masalah-masalah syarikat-syarikat yang kurang maju dan masalah-masalah rakyat yang terbiar. Jika sekiranya pindaan-pindaan yang kita dapat pada hari ini menasabah, membaiki dan menguntungkan rakyat bumiputra, bagi pendapat saya, tidak ada salah kalau ahli-ahli koperasi, mengadakan kerjasama di antara ahli-ahli koperasi dan juga jawatan-jawatankuasa pentadbir. Ini satu perkara yang lebih senang.

Pada pendapat saya, saya tetap menyokong kepada Rang Undang-undang (Pindaan) ini dengan sebab tidak ada satu yang kita bimbang kalau mereka membuat kerja-kerja yang betul, ada kepercayaan dan mengadakan kerjasama. Saya harap di atas Undang-undang (Pindaan) ini akan memberi peluang yang lebih banyak kepada bumiputra yang pada masa ini yang kita nampak tidak begitu

teratur dan begitu pandai di dalam bidang perniagaan. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Koperatif ini.

5.55 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan), 1975.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat koperatif adalah satu gerakan (movement) yang sangat lama dalam negara kita. Sungguhpun lama tetapi malangnya bukan semua syarikat kerjasama berjaya, banyak yang sudah gagal dan banyak syarikat akan gagal dan juga banyak syarikat pada masa sekarang tidak hidup dan tidak mati. Ini ialah oleh sebab pandangan saya ada dua faktor:

- (i) Faktor dari syarikat-syarikat koperatif sendiri. Masaalah-masaalah seperti kekurangan modal, tenaga, pentadbiran dan sebagainya;
- (ii) Kerajaan tidak memberi bantuan dan nasihat atau kawalan (control) yang diberi kepada syarikat-syarikat koperatif, khasnya syarikat-syarikat koperatif dari luar bandar.

Oleh sebab itu, pada masa sekarang kita boleh dengar dan baca banyak masaalah atau complaints dari ahli-ahli, anggota-anggota syarikat koperatif. Oleh sebab itu, saya harap Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan akan bekerja kuat daripada dahulu. Oleh sebab jikalau Kementerian yang berkenaan tidak memberi kawalan atau tindakan yang berat, maka akan timbul masaalah-masaalah yang lebih terok.

Sebentar tadi kita dapat peluang mendengar ucapan-ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai masaalah-masaalah yang berlaku dalam Syarikat-syarikat Koperatif, khasnya ucapan Wakil dari Sungai Siput. Ini saya bersetuju dengan ucapan Wakil dari Sungai Siput sungguhpun beliau tidak berkata mana satu syarikat koperatif. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional takut memberitahu nama syarikat itu. Tetapi apa yang beliau kata adalah betul dan benar. Saya harap Yang Berhormat Menteri atau pegawai-pegawai menyiasat complaints seperti itu. Adakah pegawai-pegawai kita takut kepada V.I.P., orang-orang besar, "big guns" yang berpangkat besar.

Inilah satu sikap yang tidak sesuai. Saya harap Kerajaan boleh memberi satu jaminan bahawa semua syarikat, tidak kira kecil atau besar hendaklah diberi jalan yang betul-betul dan nasihat. Di sini saya suka mengambil peluang, memberitahu dalam Dewan ini iaitu ada satu complaint yang besar dari ahli-ahli syarikat koperatif dan mereka pun ada menghantar salinannya kepada saya. Ini ada satu fail—complaint terhadap sebuah syarikat, namanya ialah National Land Finance Co-operative Society Ltd. Barangkali syarikat ini ada berkait dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Barangkali ada one incident. Saya harap Kerajaan akan membuat siasatan yang berat kepada National Land Finance Co-operative Society Ltd yang mana complaint telah dibuat kepada Director (Pengarah) Kementerian, tetapi malangnya langsung tidak ada tindakan. Apa sebabnya. Kita semua tahu ahli-ahli dalam syarikat ini ialah orang-orang daripada estate, orang-orang yang sangat miskin tetapi ketua syarikat ini salah menggunakan wang syarikat itu. Mengapa tidak disiasat dan mengapa tidak diambil tindakan sehingga sekarang. Commission sampai berjuta-juta ringgit telah diberi, tetapi tindakan tidak diambil.

Dalam bulan Julai 1975 syarikat ini ada membuat satu ujian. Inipun ada kesalahannya. Tidak mengikut undang-undang (by-law) dan ramai ahli-ahli dari syarikat itu telah menulis surat kepada Pengarah Kementerian tetapi tindakan tidak juga diambil. Ini satu contoh dan banyak lagi contoh yang berlaku dalam Syarikat Koperatif dan saya juga suka mengambil peluang di sini dan berharap kepada Kementerian yang berkenaan menyiasat satu lagi syarikat. Syarikat ini ialah Malaysian Multi-purpose Co-operative Society. Pada pandangan saya syarikat ini pun bukan 100% bersih.

Dalam persidangan Parlimen yang lalu saya ada berkata Kerajaan memberi 52 buah teksi kepada Syarikat Malaysian Multi-purpose Co-operative Society, tetapi syarikat itu tidak menjalankan perniagaan teksi dan dalam kira-kira syarikat itu kita tidak membaca 50 buah teksi dikunci Kira-kira (Accounts and Balance Sheet). Satu buah teksi pun tidak ada tetapi pada lesennya dinyatakan Kerajaan telah memberi 50 buah teksi kepada syarikat itu. Apa sebabnya tidak disiasat dan tidak diambil tindakan.

Perniagaan ini seolah-olah perniagaan "Ali-Baba" sahaja dan tindakan tidak diambil. Orang ramai minta teksi tidak dapat. Syarikat-syarikat Koperatif seperti Front MCA, Front MIC menggunakan peluang untuk meminta permit teksi, tetapi mereka jual permit teksi kepada orang-orang lain. Ini satu malpractice besar yang patut Kerajaan membuat satu Commission of Enquiry untuk menyiasat dan mengambil tindakan kepada sesiapa yang bersalah dan mengambil peluang untuk mencari faedah sendiri sebagai ketua dalam Syarikat-syarikat Koperatif.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun hari ini kita tengok banyak pindaan-pindaan telah dibuat tetapi jikalau pindaan sahaja dan tidak diambil tindakan saya rasa masalah kita dalam Syarikat Koperatif tidak boleh diatasi. Apa yang kita kurang pada masa ini bukan legislation, bukan undang-undang. Undang-undang sekarang atau dahulu adalah cukup. Tetapi apa yang kurang ialah tindakan dari Kementerian yang berkenaan. Betulkah pegawai-pegawai atau Menteri berkenaan sit on the file. Tindakan langsung tidak diambil. Ini semua complaint letters satu file untuk satu syarikat sahaja, tetapi malangnya satu action pun tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang di sini Kerajaan patut membuat pindaan untuk mengawal pegawai-pegawai atau Director of the Board (Syarikat) to disclose (memberitahu) apa faedah yang akan mereka punyai dalam transaction dealing seperti membeli tanah, estate dan bangunan-bangunan. Ini sangat mustahak. Jikalau kita tidak ada satu pindaan atau undang-undang yang mengawal director-director dalam Syarikat-syarikat Koperatif, maka Rang Undang-undang ini ada loop-hole supaya mereka boleh mencari faedah sendiri untuk kekayaannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap cadangan-cadangan saya tadi akan ditimbangan dan akan diambil tindakan berat dan yang akhir sekali saya pun ada mencadangkan sedikit pindaan kepada Rang Undang-undang ini dan saya pun ada menulis sepucuk surat kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam pindaan ini banyak terdapat kesilapan dan saya harap Menteri yang berkenaan boleh memberitahu apakah tindakan yang beliau akan ambil kepada pindaan yang saya cadangkan itu.

6.08 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri turut menyokong Pindaan Akta Koperatif ini. Tetapi saya suka mengingatkan iaitu janganlah hendaknya Kerajaan ataupun pemimpin Koperatif di Kementerian hanya memikirkan bahawa dengan pindaan undang-undang atau dengan mengetatkan undang-undang, atau dengan memperluaskan undang-undang sahaja bahawa Syarikat Koperatif ini boleh maju terutama sekali bagi orang-orang yang di luar bandar. Apa yang patut difikirkan yang menjadi intisari kepada kemajuan Syarikat Koperatif ialah jiwa, semangat koperatif itu yang mesti dipugar oleh pegawai-pegawai Kementerian, orang-orang yang bijak pandai yang memimpin dalam Koperatif kepada penduduk-penduduk kita di luar-luar bandar terutamanya kerana mereka itu berkoperatif dengan pengetahuan yang amat sedikit, yang amat tipis dalam hal-hal perniagaan atau dalam hal bersyarikat.

Jadi dengan adanya perluasan undang-undang ini pihak pegawai-pegawai di Kementerian hendaklah bekerja lebih keras bagi menerangkan dengan secukup-cukupnya jiwa atau semangat koperatif itu kepada penduduk-penduduk kita terutama sekali di luar-luar bandar kerana orang di bandar barangkali boleh mengerti sebanyak sedikit. Dan janganlah hendaknya dengan undang-undang ini akan banyak menyekat jiwa koperatif yang hendak berjalan. Selalu kita terjumpa pegawai koperatif datang ke satu syarikat dengan meletakkan di hadapan pegawai atau pemimpin syarikat itu undang-undang. Ini boleh, ini tak boleh, ini jangan buat, kalau buat ini salah dan sebagainya. Shinggakan syarikat atau koperatif itu yang hendak bergerak langsung tidak dapat. Atau mesti tulis surat dahulu, mesti dapat kebenaran sehingga sekian masa, akhirnya tidak dapat juga. Jadi syarikat yang ada jiwa hendak maju ke hadapan tidak dapat berjalan sebab mereka itu sentiasa diletakkan di hadapannya undang-undang pada hal kita melihat syarikat yang tidak terikat sangat dengan undang-undang yang terus berjalan mengikut kemampuan mereka samada dari segi modal atau pengetahuan mereka, boleh berjalan terus. Sebaik-baiknyanya kita memberi panduan, bukan hendaknya pegawai-pegawai datang hanya dengan meletakkan undang-undang itu. "Syarikat awak boleh buat setakat ini sahaja jangan lebih daripada itu".

Kalau salah tulis surat sedikit, kerana lama masanya, apa hendak buat undang-undang sudah menganggap syarikat itu salah. Saya fikir pegawai-pegawai koperatif bagi pihak Kementerian hendaklah lebih memikirkan dari segi ini daripada kita meletakkan undang-undang di hadapan syarikat supaya mereka ikut.

Kita tahu barangkali tujuan undang-undang ini ialah hendak memajukan lagi syarikat ataupun hendak membesarkan jalan-jalan syarikat itu ataupun hendak mengawal, setelah menyedari beratus-ratus syarikat koperatif kita terutama di luar bandar mati begitu sahaja, Kementerian bukanlah sahaja untuk memajukan syarikat koperatif itu dengan meminda undang-undang beberapa kali lagi pada masa akan datang, tetapi haruslah dikaji akar umbinya mengapa syarikat koperatif kita di luar bandar mati. Adakah dengan sebab undang-undang yang ketat ataupun sebab undang-undang longgar. Ini yang kena difikirkan. Barangkali dari segi yang pertama sekali ialah penyelewengan, tidak ada kejujuran di kalangan pegawai-pegawai syarikat. Ini patut pegawai Kementerian memerhati dengan secukupnya. Apabila didapati kesan bahawa seseorang pegawai daripada awal lagi sudah menyeleweng, ambil tindakan kepada mereka terus, jangan sampai penyakit itu menular kepada semua syarikat sampai syarikat itu berkubur dengan tidak ada tindakan.

Kedua, barangkali dari segi perlawanan orang tengah, bagaimana syarikat itu hendak melawan orang tengah di tempat itu. Patut ini pun diberi bimbingan, seperti kata saudara saya tadi mengatakan syarikat nelayan dan sebagainya mati dibuat oleh orang tengah kerana ahli syarikat itu sendiri menyeleweng. Walaupun ada undang-undang koperatif yang cukup baik, tetapi ahli-ahli syarikat itu boleh juga membunuh syarikat itu sendiri dengan menyeleweng. Adakah undang-undang ini boleh membetulkan perkara itu. Ini patut kita kaji mengapa mereka menyeleweng. Mereka menjadi ahli syarikat nelayan tetapi ahli sendiri pergi jual ikan kepada orang tengah di tengah laut. Apakah tindakan daripada syarikat, apakah tindakan daripada undang-undang? Tidak ada. Kalau tidak ada tindakan syarikat itu mati walau berapa ratus ribu ringgit pun diberi modal. Barangkali dengan sebab mereka itu tidak mengerti undang-undang koperatif ataupun kerana mereka diupah oleh orang tengah atau-

pun mereka dimasuki anasir subversif maka mereka boleh membunuh koperatifnya sendiri. Apa nasihat daripada pegawai koperatif? Apa panduan daripada Kementerian? Ini yang kita hendak bimbing, jangan sampai syarikat itu menjadi hancur begitu sahaja. Dan juga barangkali daripada segi perlawanan kemahiran. Berapa baik pun undang-undang koperatif tetapi apabila ahli yang menjaikan itu tidak ada kemahiran, tidak boleh mengambil tender yang besar, tidak boleh hendak memajukan syarikat kelapa sawit dan sebagainya, akhirnya tidak dapat juga syarikat koperatif itu maju pada hal kita tengok syarikat koperatif orang yang ada kemahiran, saya beri contoh mungkin saya salah iaitu baru-baru ini kita nampak satu koperatif M.C.A. terus berjalan dan mereka buat berpuluh-puluh cawangan dan ahli-ahlinya berpuluh ribu bagaimana yang dinyatakan oleh Presidennya. Perjalanan koperatif itu kita tidak tahu adakah mendapat bantuan Kerajaan atau tidak, mereka terus berjalan, harus mereka mengeneipkan sedikit undang-undang yang ada ini, tidak menjadi masalah kepada mereka. Mereka hanya berjalan terus dengan tidak payah membaca undang-undang koperatif.

Lagi satu saya minta juga pihak Kementerian mengawasi iaitu jangan hendaknya syarikat koperatif itu menjadi alat kepada orang yang kaya yang bertujuan mencari keuntungan lebih dengan memasuki modal yang banyak, kiranya mereka menyangka bahawa koperatif ini boleh mendapat untung yang besar. Jadi koperatif itu dikongkong oleh orang kaya, ahli-ahli yang masuk modal sedikit harus malu hendak bersuara atau tidak bersuara langsung. Ini patut dibaiki ataupun kalau mustahak dihadkan bahawa dalam sebuah koperatif semua ahli boleh menabur sama sahaja banyak modalnya tidak boleh seorang membayar modal \$100 orang lain \$1,000 atau \$2,000, orang kaya yang bermodal \$2,000 itu banyak suara di dalamnya kerap kali mereka membawa kepada penyelewengan, boleh jadi apabila syarikat itu mati akhirnya mereka berniaga sendiri. Mereka bunuh koperatif, mereka berniaga sendiri dengan sebab mereka terasa sudah boleh berjalan ke hadapan. Asalnya daripada titik peluh orang miskin yang membina syarikat itu. Kalau boleh biarlah syarikat kerjasama itu dimodali sama banyak oleh tiap-tiap orang walaupun mereka orang kaya. Kalau dibataskan \$100 seorang, maka orang

kaya juga hanya boleh terhad membeli syer \$100 sahaja tidak boleh beli \$1,000 atau \$2,000. Mereka sedar bahawa keuntungan itu dapat dirasai bersama dan tidak ada orang yang lebih dalam syarikat itu samada dia orang kaya atau orang miskin. Kalau orang kaya memikirkan tidak memadai masuk saham \$100 dia pergi, janganlah masuk syarikat itu, biarlah syarikat itu diusahakan oleh orang biasa yang hanya mampu membeli saham \$100.

Saya rasa inilah sedikit pandangan saya terhadap gerakan syarikat kerjasama yang ada sekarang. Saya ulang lagi sekali bahawa pindaan yang ada ini janganlah hendaknya menjadi satu perkara yang menyekat perjalanan ahli-ahli syarikat kerana dengan kita dedahkan kepada dia sebarang koperatif terikat dengan undang-undang semata-mata seperti yang telah diberitahu oleh beberapa orang rakan saya tadi. Kadang-kadang ada undang-undang pun tidak dapat hendak bertindak, umpamanya kita tahu beratus syarikat koperatif kita yang mati dengan sebab penyelewengan modal. Berapa orang yang telah dibawa ke mahkamah, tidak ada yang didenda dalam mahkamah dengan sebab mereka menyeleweng, dibiarkan syarikat itu mati begitu sahaja, kemudian tubuh syarikat lain pula, menyeleweng juga akhirnya koperatif itu mati juga. Jadi apakah ertinya undang-undang ini kalau sekiranya undang-undang tidak boleh mengawal keselamatan koperatif itu. Saya harap pada gerakan yang akan datang dengan pindaan yang lebih luas ini pihak Kementerian Pertanian cabang koperatif memikirkan lebih berkesan lagi cara hendak memajukan koperatif bukan dengan memikirkan implimentasi atau melaksanakan undang-undang ini sahaja, tetapi memikirkan bagaimana undang-undang ini boleh menjadi panduan (guide) untuk memimpin orang di luar bandar dalam hal kemajuan koperatif. Jadi saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang begitu sedar dan barangkali dengan kesedaran inilah pihaknya telah membawa Rang Undang-undang pindaan ini dan saya sekali lagi menyokong penuh atas pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu bercakap, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mengemukakan pindaan. Saya sudah terima pindaan itu pada pukul 2.20 petang tadi. Jadi, kalau mesyuarat ini

bersidang sebagai Jawatankuasa pada hari ini, saya dukacita tidak akan dapat membenarkan Ahli Yang Berhormat mengemukakan pindaannya, tetapi kalau berlanjutan perbincangan ini hingga hari esok, Ahli Yang Berhormat boleh bawa pindaan pada hari esok dalam masa Jawatankuasa. Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu.

6.21 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu):

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan mengambil sedikit masa sahaja untuk membahaskan di bawah Rang Undang-undang Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan) ini iaitu aspek sahaja. Pada masa dahulu Undang-undang Koperatif meluluskan 10 orang ahli dan sekarang telah dicadangkan ditukar kepada 100 ahli. Saya rasa 100 ahli ini lebih restrictive, sebab undang-undang ini nanti akan disambungkan ke Sarawak dan Sabah untuk menyelaraskan Undang-undang Koperatif dan di Negeri Sarawak misalnya keadaan penduduk yang berkehendak koperatif ada berlainan daripada Semenanjung Malaysia yang mana penduduk-penduduk itu ditempatkan di satu-satu kawasan yang kurang mengetahui mengenai koperatif dan jika kita perlu 100 ahli baru dapat ditubuhkan satu koperatif. Ini nanti barangkali tidak dapat kita laksanakan perkara ini di Negeri Sarawak dan Sabah.

Yang kedua, qualification to be a member under Section 21 (1) it is stated that membership is open to a person who has been born or be resident or be in ownership of land within the area of operations of the registered society. Ini juga satu provision which may be restrictive in Sarawak. I have an experience where I was trying to organise a co-operative, tetapi saya bukan ada hak di situ but I was trying to organise a few kampung people untuk menyatukan satu co-operative, tetapi kalau koperatif itu ahli-ahlinya terdiri daripada penduduk-penduduk kawasan mana yang koperatif itu akan menjalankan perniagaan, mereka itu tak ada mempunyai modal yang akan mereka laburkan dikoperatif tersebut. Jadi pada pendapat mereka yang ingin menyatukan satu koperatif ialah koperatif itu ahli-ahlinya patut terdiri daripada orang-orang yang mempunyai wang, iaitu guru-guru, kerani-kerani tetapi mereka memang ada saudara-mara dan rumah asalnya di kawasan tersebut, sebab mereka yang bergaji tentulah mereka yang ada duit dan

jika kita menubuhkan satu koperasi hanya untuk nama sahaja, tak ada modal, macam mana hendak berniaga? I hope the Minister will look into this point and will make it flexible when it comes to exercising that part in Sarawak and Sabah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya belum dengar Ahli Yang Berhormat minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris tadi.

Tuan Patrick Anek Uren: Saya minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah minta izin tetapi belum diberi?

Tuan Patrick Anek Uren: Ya, belum diberi. Maaf. Satu lagi perkara yang saya akan bercakap di sini iaitu fasal kedai-kedai kampung (village shops) yang mana boleh jadi ahli co-operative movement sebab di kawasan Sarawak kampung-kampungnya ditempatkan jauh dari satu kedai ke satu kedai kampung itu memainkan peranan yang lebih besar dari segi ekonomi di kawasan-kawasan tertentu. Jika ada proviso yang membolehkan kedai-kedai tersebut menjadikan ahli atau yunit nanti undang-undang ini akan dapat dilaksanakan dan koperasi yang dilaksanakan akan berjaya kerana they are implemented on an established area kind of arrangement.

Dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini nanti semua permohonan daripada Negeri Sarawak dan Sabah akan dihantar boleh jadi kepada Registrar-General di Kuala Lumpur. I more or less in passing would hope no delay in the process of applications. Finally, co-operative movement di mana-mana tempat seperti yang saya banyak associated with Sarawak in the rural areas. Satu perkara yang menjadi masalah kepada perniagaan koperasi itu ialah koperasi tak dapat meminjam wang terus daripada bank-bank perniagaan, oleh sebab yang demikian modal koperasi tidak begitu banyak dan perniagaan pun begitu kecil.

Saya harap dengan adanya penyelarasan dari segi undang-undang dengan pindaan undang-undang ini nanti Kerajaan akan mengkaji bagaimana pinjaman daripada bank perniagaan akan diberi kepada kedai-kedai koperasi based on viability.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Arau hendak bercakap? Perbahasan akan disambung semula dan Ahli Yang Berhormat boleh bercakap pada hari esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 30hb Oktober, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.